BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2020 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan serta mengandungi rencana mengenai isu yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 30 Jun 2020 atau dinyatakan sebaliknya.

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2020 ini boleh didapati dalam *Portable Document Format* (PDF) di www.bnm.gov.my

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Menangani COVID-19: Perkembangan Risiko pada Separuh Pertama 2020

7 Risiko Pasaran
10 Risiko Kredit
19 Risiko Operasi
23 *Rencana: Langkah-Langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan*

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan


33 Sektor Perbankan
42 Sektor Insurans dan Takaful
45 Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan

Tambahan


Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama Tahun 2020

Bank-bank mengekalkan kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh meskipun tekanan terhadap perolehan meningkat

Perolehan menyusut pada separuh pertama tahun 2020



Mudah tunai yang lebih daripada mencukupi disokong oleh keadaan pendanaan yang stabil



Penampan modal kukuh untuk menghadapi potensi kerugian

14.6%

Nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1

(Dis '19: 14.6%)


18.3%

Nisbah jumlah modal

(Dis '19: 18.6%)

Penanggung insurans dan pengendali takaful (ITOs) terus menunjukkan kedudukan modal yang kukuh dalam keadaan pertumbuhan perniagaan yang lebih perlahan

Pertumbuhan tahunan perniagaan ITOs menurun



Prestasi pengunderaitan bertambah baik berikutan tuntutan yang lebih rendah

Hayat / Keluarga

- *Bayaran manfaat lebih rendah untuk polisi perubatan dan kesihatan*
- *Serahan polisi dan polisi luput yang lebih rendah*

Am

- *Pembayaran untuk tuntutan motor lebih rendah semasa PKP/PKPB[1]*

Penampan ITOs kekal kukuh, jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum

227%

ITOs: Nisbah kecukupan modal

(Dis '19: 227%)


Keupayaan isi rumah dan perniagaan untuk membayar balik hutang disokong oleh langkah-langkah bantuan hutang, namun kualiti aset dijangka merosot sedikit

Isi rumah: Penampan kewangan agregat kukuh walaupun peminjam yang mempunyai lebih leveraj kekal mudah terjejas

Penunjuk Sektor Isi Rumah

87.5%	190.2%	1.4 kali
Hutang kepada KDNK (2019: 82.9%)	Aset kewangan kepada KDNK (2019: 179.3%)	Aset kewangan mudah tunai kepada hutang (2019: 1.4 kali)

Nisbah Leveraj dan Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Hutang Mengikut Kumpulan Pendapatan



Perniagaan: Kedudukan kewangan syarikat yang lebih lemah dengan sektor tertentu menghadapi prospek yang lebih mencabar

Penunjuk Sektor Perniagaan

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek	1.0 kali (2019: 1.0)	Nisbah hutang kepada ekuiti	23.8% (2019: 25.4)
Nisbah perlindungan faedah (ICR)	3.7 kali (2019: 4.8)	Bahagian syarikat tersenarai dengan ICR < 2 kali	32.1 % (2019: 28.1)

% Pinjaman Bank kepada Perniagaan dalam Sektor Mudah Terjejas yang Terpilih

Berkaitan pelancongan	Borong dan runcit	Pembinaan	Harta tanah	Minyak dan gas
7.0%	18.1%	14.5%	17.7%	1.1%


[1] Perintah Kawalan Pergerakan / Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti dan S&P Capital IQ

Ujian tekanan baru-baru ini mengesahkan daya tahan sektor perbankan terhadap peningkatan kerugian kredit dalam keadaan ekonomi yang lebih buruk


Simulasi makro berdasarkan prospek ekonomi Bank yang dikemas kini[2]...

Landasan Pertumbuhan KDNK (%)




Sektor perbankan mempunyai penampan yang mencukupi untuk menyerap potensi kerugian kredit

Nisbah Jumlah Modal



...dilengkapi oleh pendekatan dari bawah ke atas *(bottom-up)* bagi menilai daya tahan setiap bank



Dalam keadaan yang lebih teruk, setiap bank kekal berdaya tahan

Unjuran Penurunan dalam Nisbah Modal



Rencana: Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan

Institusi kewangan terus menyokong ekonomi dan pada masa yang sama memastikan pandemik itu tidak mencetus krisis kewangan

Sektor Perbankan

Mengurangkan kekangan aliran tunai individu dan perniagaan

- Bantuan pembayaran balik pinjaman secara menyeluruh, termasuk penangguhan secara automatik selama 6 bulan bagi pinjaman yang layak
- Bantuan pembayaran balik pinjaman secara bersasar selepas tempoh pemberian moratorium secara automatik

Memudahkan program bantuan dan pembiayaan yang berterusan melalui langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan

- Memperjelas keperluan berhemat dan amalan untuk mengelakkan kesan curam (*cliff effect*) dan mengurangkan pergeseran operasi
- Melanjutkan garis masa bagi penghantaran berkaitan pengawalan, penyeliaan dan data

Memelihara dan mempertingkatkan pengantaraan kewangan

- Sebanyak RM18.1 bilion diperuntukkan kepada Dana BNM untuk PKS dengan RM9 billion daripadanya adalah peruntukan baharu
- Pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (SRR)

Sektor Insurans dan Takaful

Meringankan beban kewangan peserta dan pada masa yang sama mengekalkan perlindungan

- Penangguhan sementara pembayaran premium insurans dan sumbangan takaful serta pengecualian kos tertentu
- Mempercepatkan pemprosesan tuntutan yang berkaitan dengan COVID-19

[2] Sila rujuk Buletin Suku Tahunan BNM S2 2020 untuk butiran lanjut mengenai prospek makro ekonomi Bank
Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Pandemik COVID-19 telah memberikan tekanan yang besar terhadap ekonomi dan sistem kewangan global. Berikutan peningkatan angka jangkitan dan kematian, langkah-langkah kawalan pergerakan dan penjarakan fizikal termasuk sekatan perjalanan telah dilaksanakan secara meluas, lantas menjejaskan aktiviti penggunaan dan pelaburan. Hal ini mengakibatkan keadaan pasaran pekerja merosot dengan nyata. Keadaan kewangan global menjadi ketat dengan ketara susulan peningkatan penularan pandemik pada bulan Mac dan April, seiring dengan penurunan harga aset kewangan secara mendadak. Kenaikan yang besar dalam kadar hasil bon berikutan kelemahan yang meningkat dalam pasaran kredit korporat global, dan aliran portfolio yang beralih arah secara tiba-tiba terutamanya daripada pasaran sedang pesat membangun, turut menyumbang kepada keadaan ini. Di Malaysia, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan permintaan luaran yang lemah juga menyebabkan aktiviti ekonomi menguncup dan tahap tekanan pasaran domestik meningkat.

Kedudukan sistem kewangan Malaysia yang kukuh pada permulaan krisis ini telah membolehkannya menyokong langkah-langkah bantuan yang besar dan mengekalkan aktiviti pengantaraan bagi membantu isi rumah dan perniagaan mengharungi tempoh yang sangat mencabar ini. Khususnya, daya tahan sektor perbankan yang menjadi teras kepada sistem kewangan telah bertindak sebagai penyerap kepada kejutan makroekonomi yang berpunca daripada pandemik dan bukan memburukkan lagi keadaan tersebut. Tindakan oleh pembuat dasar bagi menangani tekanan pasaran juga telah membantu menstabilkan keadaan kewangan. Hal ini disokong oleh penarikan balik sekatan pergerakan secara beransur-ansur dan tanda-tanda pemulihan aktiviti ekonomi global. Secara kolektif, keadaan ini telah mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan domestik. Namun, volatiliti pasaran kewangan dijangka kekal tinggi berikutan wujudnya kebimbangan terhadap penularan semula jangkitan COVID-19.

Kedudukan kewangan perniagaan mengalami kemerosotan dalam kebanyakan sektor berikutan berlakunya gangguan terhadap perniagaan dan permintaan yang lemah. Walaupun perniagaan mulai pulih susulan pelonggaran PKP secara beransur-ansur, kadar pemulihan masih tidak sekata. Langkah-langkah bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan bank-bank membantu banyak perniagaan menghadapi keadaan kesukaran kewangan yang bersifat sementara. Walau bagaimanapun, persekitaran kekal mencabar dalam beberapa industri. Meskipun kedudukan kewangan dijangka terjejas, penunjuk keupayaan membayar balik hutang syarikat korporat bukan kewangan secara agregat terus melebihi paras ambang kehematan. Hal ini mencerminkan kedudukan kewangan mereka yang agak kukuh sebelum berlakunya pandemik. Prospek pendapatan dan pekerjaan isi rumah turut terjejas akibat pandemik, namun sebahagian besar daripada mereka terus berdaya tahan. Keadaan ini disokong oleh penampan kewangan yang selesa, terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan tinggi, dan tahap bayaran balik hutang oleh isi rumah yang secara amnya berhemat.

Lebih banyak peminjam berupaya menyambung semula bayaran balik pinjaman dalam beberapa bulan kebelakangan ini, berikutan keadaan perniagaan dan pasaran pekerja yang bertambah baik di samping aktiviti ekonomi yang beransur pulih. Walau bagaimanapun, beberapa risiko masih wujud. Beberapa industri perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (high-touch service industries) dan industri yang masih berada dalam kawalan yang ketat seperti sektor pelancongan, dijangka terus lemah. Peminjam isi rumah yang mempunyai leveraj yang lebih tinggi, dengan pendapatan yang berubah-ubah dan/atau bekerja dalam sektor yang terjejas teruk juga mungkin terus menghadapi kesukaran untuk membayar balik hutang mereka. Namun, pinjaman terjejas dan delinkuen secara agregat dalam sistem perbankan kekal rendah berikutan pelaksanaan

moratorium pinjaman secara automatik. Akan tetapi, ianya dijangka meningkat pada masa hadapan.

Pelbagai langkah yang diperkenalkan oleh Bank, dengan kerjasama industri, telah memainkan peranan penting dalam membantu individu dan perniagaan menghadapi tempoh yang sukar ini. Langkah-langkah tersebut memberikan tumpuan pada usaha menyokong ekonomi secara keseluruhan bagi menghadapi kejutan sementara yang dialami, dengan meminimumkan kesan buruk yang berpanjangan kepada ekonomi, di samping menyokong pemulihan serta penstrukturan semula dan pembaharuan ekonomi pasca COVID-19. Peralihan daripada pemberian moratorium secara menyeluruh kepada langkah bantuan bayaran balik pinjaman secara lebih bersasar akan terus memberikan bantuan sementara kepada peminjam yang berdaya maju yang masih menghadapi kesukaran. Pada masa yang sama, langkah ini juga akan memberikan gambaran prestasi pinjaman bagi bank-bank yang lebih baik. Ini merupakan syarat penting untuk mengurangkan penghindaran risiko dan menggalakkan penawaran kredit bagi menyokong pemulihan ekonomi.

Keadaan pasaran harta tanah di Malaysia pada ST1 tahun 2020 bertambah lemah. Kesan penutupan sempadan, bilangan pengunjung yang lebih rendah dan pengaturan kerja dari rumah yang lebih meluas merupakan faktor-faktor yang dijangka meningkatkan lagi risiko yang disebabkan oleh lebihan bekalan yang sedia ada dalam segmen harta bukan kediaman. Walaupun risiko dalam pasaran perumahan telah meningkat kerana kemerosotan pendapatan dan keadaan permintaan yang lebih lemah, kesannya terhadap kestabilan kewangan secara keseluruhan kekal terkawal. Ini sebahagian besarnya disokong kualiti dedahan pinjaman perumahan bank-bank sedia ada yang kukuh, langkah-langkah Kerajaan untuk menyokong permintaan terhadap perumahan, dan pelaksanaan pakej bantuan bersasar yang akan membendung sebarang peningkatan yang besar dalam kes mungkir bagi pinjaman perumahan.

Walaupun perolehan menurun dengan ketara pada ST1 tahun 2020, penampan modal dan mudah tunai yang dipegang oleh institusi kewangan kekal tinggi. Berikutan jangkaan bahawa prospek ekonomi akan lebih mencabar, bank-bank mengambil langkah tambahan untuk mempertingkatkan penampan mereka, termasuk langkah-langkah pengekalan modal. Seiring dengan pelaksanaan piawaian kecukupan modal, mudah tunai dan pengurusan risiko yang kukuh sejak beberapa tahun lalu, langkah ini akan memelihara keupayaan bank untuk terus menyokong pemberian bantuan secara bersasar kepada peminjam dan aliran kredit kepada sektor benar ketika ekonomi mengalami pemulihan.

Pandemik ini telah mencetuskan cabaran operasi baharu yang menguji ketangkasan pengaturan tindak balas krisis institusi kewangan dan pengendali sistem pembayaran. Operasi kritikal institusi kewangan sebahagian besarnya terus berfungsi dalam tempoh waktu pemulihan yang telah ditetapkan, sementara kerugian risiko operasi kekal rendah dan stabil dalam tempoh tersebut. Sistem pembayaran Malaysia juga terus beroperasi dengan lancar tanpa gangguan yang besar, dan ketersediaan sistem berada pada tahap tinggi yang kekal melebihi 99.9%. Institusi kewangan dan pengendali sistem pembayaran telah mendapat iktibar penting daripada pengalaman ini dan sedang mengambil langkah-langkah untuk terus meningkatkan pelan kesinambungan perniagaan sedia ada bagi menambah baik keupayaan mereka untuk bertindak balas terhadap krisis masa hadapan.

Di bawah ujian tekanan yang telah dikemas kini dan dijalankan oleh Bank, bank-bank dijangka kekal berdaya tahan terhadap potensi kejutan ekonomi dan kewangan yang mungkin timbul akibat pandemik. Meskipun ekonomi Malaysia dijangka pulih dengan aktiviti perniagaan kembali normal secara beransur-ansur dan permintaan luaran bertambah baik, kadar dan keteguhan pemulihan masih terdedah kepada pelbagai risiko yang berupaya menjejaskan pertumbuhan. Hal ini termasuk kemungkinan berlaku gelombang pandemik COVID-19 seterusnya yang boleh mendorong kepada pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan. Keadaan pasaran pekerja yang terus lembap dan pemulihan pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan juga merupakan faktor yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi dan kewangan. Dalam keadaan ini, hal yang wajar diberikan keutamaan ialah memelihara penampan kewangan bank yang kukuh untuk terus menyokong isi rumah dan perniagaan, sambil mengurangkan penghindaran risiko yang boleh meningkatkan tekanan dalam ekonomi.

Menangani COVID-19: Perkembangan Risiko pada Separuh Pertama 2020

7 Risiko Pasaran
10 Risiko Kredit
19 Risiko Operasi
23 Rencana: Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan

Menangani COVID-19: Perkembangan Risiko pada Separuh Pertama 2020


RISIKO PASARAN

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun volatiliti pasaran ketara

Perkembangan berkaitan pandemik COVID-19, bersama-sama dengan ketidakpastian tentang kesan langkah-langkah dasar untuk menangani COVID-19, ketegangan geopolitik yang berterusan dan harga minyak yang turun naik menyebabkan keadaan kewangan global menjadi semakin ketat pada bulan Mac dan April 2020. Pada peringkat domestik, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)[1] untuk membendung penyebaran COVID-19 dan keadaan permintaan luaran yang lemah telah menyebabkan penguncupan aktiviti ekonomi dan seterusnya meningkatkan tahap tekanan terhadap pasaran domestik pada ST1 2020. Campur tangan dasar Bank Negara Malaysia (Bank) berfungsi untuk memelihara keadaan pasaran pertukaran asing, bon dan wang yang secara amnya kekal teratur semasa tempoh ini, dengan keadaan yang kembali normal pada akhir ST1 2020. Operasi pasaran terbuka Bank, termasuk pembelian sekuriti kerajaan, telah membantu membendung potensi gangguan pasaran dan meredakan volatiliti berlebihan dalam pasaran bon. Langkah ini selanjutnya telah membantu pasaran pulih daripada tempoh volatiliti yang tinggi dan aliran keluar modal yang ketara pada permulaan wabak COVID-19. Pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR) juga terus memastikan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong pengantaraan yang berkesan dan keadaan pasaran yang teratur.

Dalam pasaran ekuiti domestik, aliran keluar bukan pemastautin terus dicatatkan dengan jumlah sebanyak RM20.3 bilion (USD4.7 bilion) sehingga akhir bulan Ogos 2020. Hal ini kerana pelabur semakin bimbang akan kesan COVID-19 terhadap ekonomi (Rajah 1.1). Walau bagaimanapun, kesan COVID-19 terhadap harga ekuiti diimbangi oleh penyertaan pelabur runcit domestik yang lebih tinggi dan peningkatan yang memberangsangkan dalam saham penjagaan kesihatan dan teknologi. Yang ketara, pelabur runcit memacu nilai dan jumlah dagangan dalam bursa tempatan, mengatasi pelabur institusi domestik, walaupun aktiviti pengambilan untung kebelakangan ini sejak bulan Ogos telah menyebabkan berlakunya sedikit pembetulan harga. Meskipun volatiliti pasaran telah reda daripada paras tertingginya yang dicatatkan pada bulan Mac, namun volatiliti kekal melebihi paras yang tercatat sebelum krisis kerana pasaran terus sensitif terhadap berita mengenai COVID-19, peningkatan ketegangan perdagangan, dan perkembangan politik tanah air (Rajah 1.2 dan 1.3).


Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg


[1] PKP telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020 oleh Kerajaan sebagai langkah pencegahan wabak COVID-19.

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Prestasi dan Volatiliti Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI)



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Prestasi dan Volatiliti Indeks ACE FTSE Bursa Malaysia (FBM ACE)




Sumber: Bloomberg

Kadar hasil bon dalam pasaran bon domestik mengalami kenaikan secara mendadak yang sementara, dengan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities, MGS*) 10-tahun dan kadar hasil bon korporat AAA 10-tahun masing-masing meningkat sebanyak 84 mata asas dan 59 mata asas dalam keadaan aliran keluar bukan pemastautin yang ketara (RM22.4 bilion atau USD5.2 bilion) antara bulan Februari dan April. Aliran keluar bukan pemastautin kumulatif yang memuncak pada bulan April 2020 telah berubah arah sejak kebelakangan ini dengan catatan aliran masuk bersih sebanyak RM4.3 bilion (USD1.1 bilion) sehingga akhir bulan Ogos 2020 (Rajah 1.4). Hal ini disebabkan oleh sentimen pelabur global bertukar menjadi bertambah baik dan sokongan pelabur bukan pemastautin, seperti kerajaan dan bank-bank pusat yang terus stabil dalam pasaran bon domestik. Permintaan yang berterusan daripada pelabur domestik untuk bon kerajaan Malaysia disokong oleh langkah-langkah Bank bagi melonggarkan keadaan mudah tunai. Hal ini ditunjukkan oleh purata nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover ratio*) sebanyak 2.4 kali pada tujuh bulan pertama tahun 2020. Walau bagaimanapun, lelongan untuk bon jangka panjang sejak bulan Ogos mencatatkan permintaan yang menurun berikutan masalah penawaran yang berlebihan selepas pembentangan bil rangsangan COVID-19. Bagi pelabur bukan pemastautin, permintaan terhadap bon kerajaan Malaysia mulai pulih sejak bulan Mei, disokong oleh sentimen pasaran yang bertambah baik dan peningkatan spread kadar hasil MGS berbanding dengan Perbendaharaan AS (Rajah 1.5). Seiring dengan dasar monetari yang lebih akomodatif, kadar hasil MGS berkurang secara beransur-ansur berbanding dengan kenaikan kadar hasil yang mendadak pada bulan Mac. Pasaran bon korporat terus berfungsi dengan lancar. Spread kredit untuk kertas AAA 10-tahun kembali normal pada kira-kira 54 mata asas setelah mencapai tahap tertinggi sebanyak 105 mata asas pada bulan April. Terbitan bon korporat bersih juga telah kembali pulih apabila syarikat-syarikat berusaha meningkatkan mudah tunai dengan mengambil manfaat daripada kos peminjaman yang lebih rendah, walaupun terbitan itu kekal di bawah tahap pada tahun 2019 (Januari-Ogos 2020: RM17.8 bilion, Januari-Ogos 2019: RM28.8 bilion). Seperti keadaan tekanan pasaran pada masa lalu, permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik, seperti bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB), penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO), terus memainkan peranan penting bagi memelihara keadaan yang teratur dan menyediakan akses yang berterusan kepada pasaran kredit sepanjang ST1 2020 (untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana Maklumat mengenai 'Kesan COVID-19 terhadap Institusi Kewangan Bukan Bank Sistemik'). Pasaran bon Malaysia yang mendalam dan mudah cair dengan sokongan daripada pelabur yang pelbagai juga akan terus menyokong keadaan pasaran yang teratur.


Dalam tempoh terdekat, volatiliti pasaran kewangan dijangka kekal tinggi. Peningkatan semula jangkitan COVID-19 di beberapa negara akan terus menjejaskan pasaran kewangan dan meningkatkan volatiliti pasaran. Sentimen pelabur juga mungkin menjadi lebih berhati-hati berikutan pendapatan korporat yang lebih rendah daripada jangkaan dan peningkatan ketegangan perdagangan.

Rajah 1.4: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Rajah 1.5: Pasaran Kewangan – Perbezaan Kadar Hasil MGS 10-tahun dengan Kadar Hasil Perbendaharaan AS (UST) 10-tahun



Sumber: Bloomberg

Kesan COVID-19 terhadap Institusi Kewangan Bukan Bank Sistemik

Sewaktu berlakunya wabak COVID-19, beberapa institusi kewangan bukan bank (IKBB) sistemik mengalami peningkatan permintaan mudah tunai berikutan pelaksanaan langkah-langkah bantuan Kerajaan.[2] Meskipun mereka mempunyai pemegangan pelaburan yang ketara dalam pasaran modal, aktiviti mengimbangi semula (*rebalancing activities*) yang dijalankan oleh sesetengah IKBB sebagai tindak balas terhadap keperluan mudah tunai tidak memberikan kesan yang besar terhadap harga aset. Peningkatan keperluan mudah tunai IKBB ditampung terutamanya oleh wang tunai dan aset mudah tunai lain yang sedia ada, berserta aktiviti mengimbangi semula yang pada amnya dilakukan secara teratur. Walaupun penempatan deposit IKBB dalam bank turun seketika pada suku pertama, penurunan ini mempunyai kesan yang terhad terhadap mudah tunai bank kerana bahagian deposit sistem perbankan yang dipegang oleh IKBB sistemik kekal rendah (Jun 2020: 5.3%).

IKBB kekal menjadi peserta utama dalam pasaran kewangan domestik dengan pemegangan pelaburan yang besar, iaitu masing-masing sebanyak 30.5% dan 42.4% dalam permodalan pasaran ekuiti dan terbitan hutang terkumpul. Semasa tempoh penjualan yang tinggi, IKBB terus memberikan sokongan kitaran balas kepada pasaran, seperti keadaan yang berlaku apabila FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) menyusut sebanyak 15% pada suku pertama tahun 2020. Pelaburan IKBB dalam ekuiti turut meningkat berikutan nilai pasaran yang rendah. IKBB sistemik juga memberikan sokongan kepada pasaran bon kerajaan semasa berlaku aliran keluar yang besar oleh bukan pemastautin. Pemegangan saham IKBB dalam bank meningkat dalam tempoh ini, iaitu dari 37% ke 40% daripada permodalan pasaran bank yang tersenarai. Risiko kestabilan kewangan yang berkaitan dengan pemegangan sedemikian kekal rendah berikutan kewangan IKBB yang terus kukuh, ciri pelaburan yang strategik dan berjangka panjang serta kekukuhan keperluan tadbir urus yang dikenakan terhadap institusi kewangan berlesen.

Ketidakpastian yang berterusan mengenai pandemik COVID-19 ini mungkin akan mempengaruhi prestasi pelaburan IKBB pada tahun 2020. Sesetengah IKBB mungkin mengalami pengeluaran atau penebusan yang lebih tinggi oleh pelabur yang lebih sensitif terhadap pulangan pelaburan mereka jika pulangan adalah rendah. Walau bagaimanapun, risiko penebusan oleh pelabur sedemikian dijangka dapat dikurangkan dengan pengambilan risiko secara lebih berhati-hati oleh pelabur dan pulangan yang rendah daripada pelaburan lain dalam persekitaran semasa. IKBB sistemik pada amnya juga terus mengekalkan penampan kewangan mudah tunai yang mencukupi dalam bentuk deposit tunai dan sekuriti hutang kerajaan untuk tujuan memenuhi kemungkinan pengeluaran yang lebih tinggi akibat tekanan dalam tempoh lebih daripada 90 hari.

[2] Langkah-langkah bantuan termasuk penurunan kadar caruman dan kebenaran pengeluaran daripada simpanan persaraan, pengenalan program subsidi upah untuk menggalakkan pengekalan pekerjaan, dan penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan.

RISIKO KREDIT


Keadaan operasi yang lebih lemah menjejaskan kedudukan kewangan sebahagian besar syarikat

Prestasi kewangan syarikat korporat bukan kewangan (*non-financial corporate*, NFC) Malaysia merosot pada separuh pertama tahun 2020. Keadaan ini disebabkan oleh gangguan yang ketara terhadap perniagaan dan permintaan yang lemah merentas kebanyakan sektor ekonomi susulan langkah sekatan pergerakan secara menyeluruh di Malaysia dan negara-negara lain bagi membendung penularan virus COVID-19. Walaupun perniagaan mulai pulih berikutan pelonggaran perintah kawalan pergerakan (PKP) secara beransur-ansur sejak bulan Mei, pemulihan adalah tidak sekata. Industri berkaitan pelancongan dan perkhidmatan[3] adalah antara industri yang paling terjejas akibat pandemik COVID-19. Pendapatan dalam sektor ini merosot dengan mendadak berikutan muatan penumpang masuk yang lebih rendah dan perbelanjaan untuk perkhidmatan bukan keperluan utama (*non-essential services*) yang berkurang. Sekatan terhadap perjalanan udara juga telah menjejaskan dengan ketara permintaan minyak sedunia, lantas mengganggu pemulihan syarikat dalam sektor minyak dan gas pada akhir tahun 2019. Baru-baru ini, sektor borong dan runcit telah menunjukkan pemulihan secara beransur-ansur berikutan pelonggaran sekatan pergerakan pasca-PKP. Peningkatan juga dicatatkan dalam sektor perkilangan, terutamanya dalam segmen barangan elektrik dan elektronik (E&E) serta produk perubatan, yang meraih manfaat daripada pesanan yang tertunggak akibat PKP. Aktiviti dalam sektor harta tanah meningkat sedikit sejak beberapa bulan kebelakangan ini walaupun keadaan terus mencabar (untuk maklumat lanjut, sila rujuk bahagian mengenai risiko dalam pasaran harta tanah).

Meskipun keupayaan membayar balik hutang[4] NFC secara keseluruhan menjadi lemah susulan kesan yang ketara daripada COVID-19, ia kekal melebihi tahap ambang kehematan.[5] Hal ini sekali gus mencerminkan kedudukan kewangan NFC yang agak kukuh sebelum berlakunya pandemik (Rajah 1.6 dan Gambar Rajah 1.1). Bilangan syarikat dengan ICR yang kurang daripada dua kali telah meningkat kepada 32.1% daripada jumlah syarikat awam yang tersenarai pada bulan Jun 2020 (Disember 2019: 28.1%) walaupun kedudukan mudah tunai[6] mereka bertambah baik sedikit berbanding suku pertama tahun 2020 kerana syarikat-syarikat itu telah menyimpan rizab tunai. Bilangan syarikat yang berisiko dijangka terus meningkat menjelang akhir tahun 2020 memandangkan lebih banyak perniagaan mungkin menghadapi kesukaran untuk membuat penyesuaian dengan keadaan operasi baharu.

Kesan pandemik ini adalah lebih ketara ke atas perusahaan kecil dan sederhana (PKS).[7] Kaji selidik menunjukkan bahawa dalam kalangan syarikat yang lebih kecil, banyak syarikat yang mempunyai penampan kewangan yang terhad dengan rizab tunai mereka hanya cukup untuk menampung perbelanjaan selama dua bulan atau kurang.[8] Tahap pendigitalan yang lebih rendah dalam kalangan PKS[9] juga telah

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[3] Termasuk syarikat penerbangan, pengangkutan darat, hotel dan restoran, pusat hiburan dan taman tema, pelancongan perubatan, ejen pelancongan dan perkhidmatan runcit.

[4] Seperti yang diukur oleh median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR).

[5] Paras ambang kehematan bagi ICR ialah dua kali.

[6] Seperti yang diukur oleh median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*, CASTD).

[7] Termasuk perusahaan mikro dan pemilik tunggal.

[8] Berdasarkan kaji selidik yang dilakukan oleh Persatuan PKS Malaysia pada hujung bulan Mac dan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA) pada hujung bulan April.

[9] Berdasarkan Kaji Selidik PKS Tahun 2018 yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, hanya 14% daripada PKS melaporkan mempunyai kehadiran dalam talian seperti kedai laman sesawang khusus dan akaun media sosial.

Gambar Rajah 1.1: Penunjuk Utama Sektor Mudah Terjejas Terpilih

	Berkaitan pelancongan	Borong dan runcit	Pembinaan	Harta tanah	Minyak dan gas
ICR (kali)	3.7	4.9	2.3	2.6	3.1
CASTD (kali)	1.0	1.2	0.5	0.5	0.8
CR (kali)	2.0	2.4	1.8	1.6	1.3
DE (%)	23.8	27.4	36.8	39.1	36.1
% daripada pinjaman bank kepada sektor perniagaan	7.0	18.1	14.5	17.7	1.1
Nisbah pinjaman terjejas (%)	2.2	1.6	2.6	2.0	3.6

Nota:


1. Sektor berkaitan pelancongan termasuk syarikat dalam sektor perkhidmatan berikut: syarikat penerbangan, pengangkutan darat, hotel dan restoran, hiburan dan taman tema, pelancongan perubatan dan ejen pelancongan
2. Nisbah kewangan yang berikut adalah berdasarkan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia sahaja: ICR: Nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ambang kehematan: 2 kali), CASTD: Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*, ambang kehematan : 1 kali), CR: Nisbah semasa (*current ratio*), DE: Nisbah hutang kepada ekuiti (*debt-to-equity ratio*)

Sumber: Bank Negara Malaysia dan S&P Capital IQ

mengekang keupayaan mereka untuk beralih kepada platform e-dagang bagi meneruskan aktiviti perniagaan, terutamanya semasa fasa awal PKP. Beberapa langkah bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan institusi perbankan membantu banyak perniagaan untuk terus bertahan dan mengatasi kekangan kewangan sementara, walaupun keadaan perniagaan masih sangat mencabar dalam industri yang masih terjejas oleh sekatan sempadan antarabangsa (untuk maklumat terperinci berkaitan dengan pelbagai langkah yang telah diperkenalkan, sila rujuk rencana 'Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan').

Pelbagai langkah bantuan penting yang diperkenalkan telah mengekalkan nisbah pinjaman perniagaan terjejas pada tahap yang rendah dan stabil pada 2.5% untuk NFC secara keseluruhan (Rajah 1.7). Pada separuh pertama tahun 2020, dilaporkan terdapat hanya satu penurunan penarafan bon korporat domestik (2019: 7), yang mencakupi 0.03% daripada jumlah bon korporat dan sukuk yang dipegang oleh institusi kewangan. Walau bagaimanapun, institusi perbankan telah melaporkan peningkatan dalam bahagian

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia


pinjaman perniagaan dengan risiko kredit[10] yang lebih tinggi (13.9%; 2019: 11.5%), lantas menunjukkan tanda-tanda bahawa perniagaan sedang menghadapi tekanan kewangan yang lebih besar. Langkah bantuan untuk meringankan beban hutang dan bantuan bersasar lain yang diberikan oleh institusi perbankan akan membantu perniagaan yang berdaya maju mengekalkan keupayaan pembayaran balik hutang dan mengelakkan berlakunya kes mungkir yang berleluasa. Bagi tempoh antara bulan April hingga Julai 2020, institusi perbankan telah

[10] Diklasifikasikan sebagai pinjaman Tahap 2 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

meluluskan sebanyak 6.3 kali lebih banyak permohonan daripada perniagaan untuk penjadualan dan penstrukturan semula (*rescheduling & restructuring*, R&R) pinjaman mereka berbanding dengan jumlah dedahan R&R perniagaan terkumpul pada akhir tahun 2019. Walau bagaimanapun, prospek risiko kredit perniagaan akan terus bergantung terutamanya pada kadar dan kekukuhan pemulihan ekonomi.

Jumlah hutang terkumpul sektor NFC meningkat sebanyak 3.8% pada kadar tahunan kepada RM1.6 trilion atau 108.1% daripada KDNK setakat bulan Jun 2020 (Rajah 1.8). Hal ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman yang lebih rendah susulan pemberian moratorium dan peningkatan pinjaman modal kerja. Walau bagaimanapun, pinjaman baharu agregat yang dikeluarkan kepada NFC merosot (-3.4%) kerana permintaan terhadap pembiayaan menurun secara mendadak dan institusi perbankan menilai semula risiko sektor perniagaan. Dalam pasaran modal, risiko pembiayaan semula kekal rendah dengan sektor korporat terus berupaya untuk memperoleh dana pada tempoh ini. Walaupun terbitan bon kerajaan yang lebih besar pada masa hadapan boleh menghimpit keluar (*crowding out*) pendanaan korporat daripada pasaran hutang, sebahagian besar bon korporat yang matang tahun ini kekal mempunyai penarafan yang tinggi, lantas mengurangkan risiko pembiayaan semula. Hutang luar negeri sektor korporat meningkat sebanyak 4.9%, terutamanya didorong oleh peminjaman tambahan daripada syarikat-syarikat dalam sektor berkaitan minyak dan gas serta kesan penilaian berikutan nilai ringgit yang lebih lemah berbanding dengan mata wang utama dan serantau terpilih pada separuh pertama tahun 2020. Risiko pada kestabilan kewangan yang disebabkan oleh peminjaman luar negeri kekal terurus memandangkan sebahagian besar peminjaman adalah dalam bentuk jangka sederhana hingga jangka panjang dan dilindung nilai daripada dedahan terhadap pergerakan mata wang.

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Nisbah Hutang Syarikat Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Hutang Agregat



[...%] merujuk kadar pertumbuhan tahunan hutang agregat syarikat korporat bukan kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan perniagaan dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun 2020, sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur. Pelanjutan langkah bantuan kewangan bersasar bersama-sama dengan skim jaminan korporat dan PKS akan terus menyokong perniagaan tatkala pemulihan menjadi semakin kukuh. Prestasi pinjaman yang lebih jelas berikutan peralihan kepada bantuan pembayaran balik pinjaman yang lebih bersasar juga begitu penting untuk mengurangkan penghindaran risiko dan meningkatkan bekalan kredit semasa fasa pemulihan.

Walau bagaimanapun, kelemahan kekal ketara bagi sektor yang mungkin mengalami pemulihan yang lebih perlahan, terutamanya sektor berkaitan pelancongan dan industri perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch service industries*). Dalam sektor ini, sekatan sempadan dan sikap pengguna yang lebih berhati-hati terus mempengaruhi aktiviti perniagaan. Risiko jangkitan COVID-19 yang kembali meningkat juga boleh memberikan kesan kepada permintaan global. Sektor-sektor yang mungkin terus terjejas[11] ini mencakupi kira-kira 16% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Sistem perbankan dijangka kekal berdaya tahan terhadap peningkatan pinjaman terjejas yang ketara dalam keseluruhan perniagaan. Kerugian institusi perbankan dapat dikurangkan dengan ketara oleh obligasi bercagar dan kepelbagaian sumber pendapatan dalam kalangan peminjam yang lebih besar (untuk maklumat lanjut, sila rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan'). Pemantauan risiko kredit yang lebih rapi oleh institusi perbankan dengan tumpuan kepada peminjam dalam sektor yang lebih mudah terjejas juga dijangka dapat membendung peningkatan pinjaman yang terjejas dengan membolehkan perniagaan menjadualkan atau menstrukturkan semula hutang mereka lebih awal. Pada peringkat sistem perbankan, kira-kira satu perempat daripada pinjaman kini tertakluk pada pengawasan rapi.

[11] Khususnya, sektor pengangkutan dan penyimpanan, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, dan perkilangan.

Aktiviti pasaran perumahan merosot pada separuh pertama tahun 2020, manakala harta bukan kediaman mengalami kadar kekosongan melebihi purata dan hasil sewa yang lebih terjejas

Dalam segmen harta kediaman, harga rumah seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) terus mencatatkan pertumbuhan positif walaupun lebih perlahan, iaitu sebanyak 1.1% pada separuh pertama tahun 2020[12] (2019: 2.2%). Aktiviti pasaran menjadi lemah dengan ketara, dengan jumlah dan nilai transaksi jatuh secara mendadak pada tempoh itu (Rajah 1.9). Jumlah projek perumahan yang dilancarkan adalah lebih rendah pada suku kedua lantas melemahkan lagi aktiviti pasaran, dengan bilangan unit baharu mencakupi hanya kira-kira satu perlima (3,911 unit) daripada purata suku tahunan pada tahun 2019. Bilangan rumah tidak terjual kekal tinggi iaitu hampir 170,000 unit dengan sebahagian besarnya masih dalam pembinaan (67% daripada unit tidak terjual) atau berharga melebihi RM300,000 (73%).

Dalam segmen harta bukan kediaman, premis penginapan jangka pendek seperti hotel dan hotel bajet paling teruk terjejas akibat pandemik COVID-19. Hal ini kerana sekatan perjalanan mandatori dan penutupan sempadan, ditambah pula dengan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kesihatan dan kewangan, telah memberikan kesan yang teruk terhadap aktiviti perjalanan dan percutian. Kadar purata penginapan hotel jatuh menjunam ke paras yang sangat rendah pada 12% (purata sejarah 5 tahun: 61%), dengan banyak pengusaha hotel sama ada mengehadkan atau menutup operasi mereka. Berikutan pelonggaran terhadap perjalanan antara negeri di bawah PKP pemulihan (PKPP),[13] hampir 90% premis yang ditutup sementara pada bulan April 2020 dilaporkan telah kembali beroperasi pada akhir bulan Ogos.[14] Walau bagaimanapun, prospek kekal mencabar memandangkan sekatan perjalanan rentas sempadan sebahagian besarnya terus dikuatkuasakan.

[12] 1.9% pada suku pertama tahun 2020 dan 0.4% pada suku kedua tahun 2020 (anggaran awal).
[13] PKPB dan PKPP masing-masing dilaksanakan pada 4 Mei 2020 dan 10 Jun 2020, selepas Malaysia melaporkan kes COVID-19 baharu yang lebih rendah secara berturut-turut.
[14] Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Persatuan Hotel Malaysia pada bulan April dan Ogos 2020.


Kompleks beli-belah juga teruk terjejas akibat penurunan bilangan pengunjung semasa tempoh PKP dan pemulihan yang mengambil masa ketika tempoh PKP bersyarat (PKPB) dan PKPP yang berikutnya. Dalam keadaan lebihan bekalan dan perubahan sikap pengguna sejak tercetusnya pandemik, kadar sewa bagi pasaran harta komersial runcit mungkin akan terus terjejas pada tempoh yang akan datang. Tinjauan industri menunjukkan bahawa pemulihan bilangan pengunjung ke pusat beli-belah akan berlaku secara beransur-ansur, dan keadaan ini boleh mengambil masa antara 6 hingga 12 bulan disebabkan oleh sikap berhati-hati yang berterusan dan prosedur operasi standard (*standard operating procedures*, SOP) baharu.

Risiko pasaran harta tanah telah meningkat


Sementara itu dalam segmen ruang pejabat, kesan serta-merta daripada peningkatan pengaturan kerja yang fleksibel setakat ini secara relatif adalah tidak ketara, memandangkan kadar kekosongan bagi ruang pejabat utama di Lembah Klang hanya mencatatkan peningkatan yang sedikit. Bukti beranekdot menunjukkan bahawa perniagaan mungkin mengkaji semula keperluan ruang pejabat mereka apabila memperbaharui perjanjian sewaan dengan mengambil kira bilangan kakitangan yang lebih tinggi yang dijangka terus bekerja dari rumah serta keadaan penjarakan fizikal di tempat kerja. Keadaan ini boleh menjejaskan lagi kadar penghunian dan sewa pejabat (Rajah 1.10 dan 1.11).

Pandemik COVID-19 boleh meningkatkan risiko penurunan harga rumah yang lebih meluas berikutan kemerosotan pendapatan dan keadaan permintaan yang lemah. Hal ini seterusnya akan meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan memandangkan pinjaman untuk pembelian harta kediaman mencakupi sebahagian besar jumlah dedahan bank yang berkaitan dengan harta tanah (Rajah 1.12). Meskipun demikian, beberapa faktor dijangka mengurangkan risiko ini. Pertama, lebih 80% daripada pinjaman perumahan diberikan kepada rumah yang dihuni oleh pemilik, lantas mengurangkan dengan ketara kemungkinan peminjam gagal membayar balik pinjaman mereka. Kedua, sebahagian besar (85%) peminjaman untuk tujuan pelaburan dikaitkan dengan peminjam berpendapatan lebih tinggi yang mempunyai


Rajah 1.9: Pasaran Harta Tanah – Transaksi Perumahan




Rajah 1.10: Pasaran Harta Tanah – Kadar Penghunian Hotel dan Kadar Kekosongan Ruang Pejabat dan Ruang Niaga




Rajah 1.11: Pasaran Harta Tanah – Sewa untuk Ruang Pejabat Utama dan Ruang Niaga Utama di Kuala Lumpur




Rajah 1.12: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah



Rajah 1.13: Pasaran Harta Tanah – Nisbah Pinjaman Terjejas bagi Pembiayaan Akhir Mengikut Segmen



Rajah 1.14: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Sistem Perbankan kepada Segmen yang Lebih Mudah Terjejas dalam Pasaran Harta Tanah



[1] Sewa purata kedai-kedai paling terkemuka di kompleks beli-belah utama
[2] Termasuk kedai, hotel, bangunan perindustrian, kilang dan tanah, kecuali ruang pejabat dan kompleks beli-belah


Sumber: Bank Negara Malaysia, JLL Malaysia, Jones Lang Wootton, Persatuan Hotel Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan Savills Malaysia

pendapatan lebih RM5,000 sebulan. Peminjam sedemikian lazimnya adalah lebih berdaya tahan terhadap kejutan pendapatan dan tidak mungkin menjual harta tanah mereka dengan harga yang merugikan, sekiranya mereka terus dapat membayar balik hutang. Ketiga, aktiviti spekulatif dalam pasaran perumahan terus lemah sejak beberapa tahun ini dengan harga dalam beberapa segmen telah berkurang dengan ketara berbanding dengan penilaian yang memberangsangkan pada masa lepas. Selain itu, pengurangan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) baru-baru ini dan pengenalan semula Kempen Pemilikan Rumah[15] (*Home Ownership Campaign*, HOC) akan terus memberikan sokongan kepada permintaan perumahan, terutamanya dalam pasaran utama. Hal ini dibuktikan oleh pemulihan yang kukuh dalam peningkatan permohonan pinjaman untuk pembelian harta kediaman pada bulan Jun (kadar pertumbuhan tahunan 20.0%; April: -72.1%), terutamanya dalam segmen mampu milik. Moratorium pinjaman secara automatik dan bantuan pembayaran balik pinjaman bersasar juga memberikan sedikit kelegaan kepada peminjam yang lebih mudah terjejas dan akan mengehadkan rampasan harta tanah (*property foreclosures*) yang boleh memberikan tekanan pada harga rumah. Dalam segmen harta tanah lain, dedahan bank kekal rendah dan sebahagian besarnya terus menunjukkan prestasi yang baik (Rajah 1.13 dan 1.14).

Sektor isi rumah dilindungi sebahagiannya oleh langkah-langkah bantuan daripada kesan buruk pandemik COVID-19

Secara agregat, kebanyakan isi rumah dijangka kekal berdaya tahan walaupun pandemik ini memberi kesan kepada pendapatan isi rumah dan prospek guna tenaga. Isi rumah terus mengekalkan tahap aset kewangan dan aset kewangan mudah tunai (*liquid financial assets*, LFA) yang selesa masing-masing pada 2.2 kali dan 1.4 kali hutang, berikutan langkah-langkah bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan Bank


Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

telah memberikan wang tunai tambahan kepada isi rumah. Sehubungan itu, pertumbuhan tahunan deposit isi rumah meningkat pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 7.0% pada akhir bulan Jun 2020 (2019: 4.6%)[16] (Rajah 1.15). Sementara itu, pertumbuhan hutang isi rumah[17] menjadi sederhana kepada 4.0% (2019: 5.5%) susulan sekatan pergerakan dan perbelanjaan bukan keperluan yang lebih rendah ekoran daripada isi rumah menjadi lebih berhati-hati (Rajah 1.16).

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[15] HOC telah diperkenalkan semula oleh Kerajaan pada bulan Jun 2020 hingga Mei 2021 bagi menyediakan insentif kewangan kepada pembeli rumah dalam bentuk pengecualian duti setem dan potongan harga rumah. Di samping itu, margin 70% dalam had pembiayaan yang dikenakan kepada pinjaman perumahan ketiga dan seterusnya untuk harta tanah bernilai RM600,000 dan ke atas telah dilonggarkan untuk tempoh yang sama, tertakluk pada amalan pengurusan risiko dalaman institusi kewangan.

[16] Sehingga kini, jumlah pembayaran tunai di bawah Bantuan Prihatin Nasional (BPN) ialah RM11.2 bilion melibatkan 10.6 juta penerima. Jumlah pengeluaran kumulatif di bawah i-Lestari dari bulan April hingga September berjumlah RM9.33 bilion, dengan 4.64 juta permohonan telah diluluskan.


[17] Diberikan oleh bank dan institusi kewangan bukan bank.

Hal ini dicerminkan terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih lemah untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan bermotor pada separuh pertama tahun 2020 (masing-masing pada 7.2% dan -0.9%; 2019: masing-masing pada 8.5% dan -0.4%)

Meskipun pertumbuhan hutang lebih perlahan, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK meningkat melebihi tahap tertinggi sebelumnya sebanyak 86.9% pada tahun 2015 kepada 87.5% pada bulan Jun 2020, disebabkan terutamanya oleh penguncupan KDNK nominal yang mendadak pada suku kedua (Rajah 1.17). Nisbah ini dijangka menurun apabila aktiviti ekonomi bertambah baik dan isi rumah menyambung semula bayaran balik pinjaman secara beransur-ansur. Walaupun paras hutang isi rumah kekal tinggi, mereka lazimnya masih meminjam mengikut kemampuan seperti yang dicerminkan oleh median keseluruhan nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) yang berhemat bagi pinjaman terkumpul dan pinjaman baharu yang diluluskan, masing-masing pada 35% dan 43% (2019: masing-masing pada 37% dan 43%).

Walau bagaimanapun, sesetengah isi rumah berdepan dengan tekanan kewangan yang lebih tinggi. Tahap leveraj isi rumah[18] meningkat paling tinggi dalam kalangan peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan pada separuh pertama tahun 2020. Hal ini berikutan prospek pendapatan yang semakin tidak menentu dan penampan mudah tunai untuk peminjam berpendapatan kurang RM3,000 yang sememangnya terbatas (Rajah 1.18). Leveraj yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam peminjaman bagi pembelian


Rajah 1.17: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

[18] Diukur sebagai nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan.

Rajah 1.18: Sektor Isi Rumah – Nisbah Leveraj dan Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Hutang



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

rumah pada awal tahun[19] dan pada bulan Jun selepas HOC diperkenalkan semula. Meskipun keadaan pasaran pekerja dijangka bertambah baik pada masa hadapan, peminjam berpendapatan tidak tetap dan/atau yang bekerja dalam sektor yang terjejas teruk oleh COVID-19, juga akan berdepan dengan cabaran yang berterusan. Bagi peminjam ini, bantuan bersasar[20] yang dilanjutkan hingga suku pertama tahun 2021 akan memberikan bantuan kewangan sementara selanjutnya, manakala langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti subsidi gaji, dan program latihan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) akan membantu dalam meningkatkan prospek guna tenaga dan prospek pendapatan pada masa depan. Hal ini seterusnya akan menyokong keupayaan pembayaran balik hutang.

Perkembangan penting pada separuh pertama tahun 2020 ialah peningkatan penyertaan runcit yang ketara dalam pasaran ekuiti yang menyaksikan pelabur runcit membeli saham tersenarai sebanyak RM113.1 bilion. Pemantauan oleh pihak BNM menunjukkan bahawa lonjakan dalam penyertaan runcit tidak dibiayai oleh peminjaman. Pinjaman yang dikeluarkan dan pinjaman terkumpul bagi pembelian saham termasuk margin pembiayaan kekal rendah dan pada amnya stabil sepanjang tempoh ini (Rajah 1.19). Pinjaman sedemikian terus mencakupi sebahagian kecil daripada keseluruhan hutang isi rumah (0.5%) dan pemberian pinjaman


[19] Didorong oleh Skim Rumah Pertamaku oleh Cagamas.

[20] Meliputi (i) moratorium pinjaman yang dilanjutkan selama 3 bulan dari bulan Oktober 2020 untuk para peminjam yang telah kehilangan pekerjaan; dan (ii) pengurangan ansuran bulanan bagi obligasi hutang setara dengan pengurangan pendapatan untuk enam bulan hingga bulan Mac 2021. Program bantuan ini telah diumumkan pada bulan Julai 2020.


bank kepada isi rumah (0.6%). Profil peminjam isi rumah dengan kemudahan margin saham juga tidak menunjukkan perubahan yang ketara dengan kebanyakannya kekal dalam segmen berpendapatan lebih tinggi dengan penampan kewangan yang lebih besar (Rajah 1.20).

Pandangan beranekdot menunjukkan bahawa sesetengah isi rumah menggunakan lebihan simpanan tunai daripada langkah-langkah bantuan dan simpanan sendiri untuk melabur dalam ekuiti. Hal ini boleh meningkatkan risiko kepada isi rumah melalui kesan terhadap keupayaan membayar balik hutang dan kesan kekayaan jika nilai ekuiti mengalami kejatuhan yang besar apabila isi rumah perlu menyambung semula bayaran balik pinjaman mereka. Seperti yang dinyatakan di atas, risiko sedemikian dinilai sebagai rendah memandangkan pelabur runcit yang berleveraj lazimnya mempunyai penampan kewangan yang lebih tinggi. Jumlah pemegangan ekuiti oleh isi rumah sebagai bahagian daripada aset kewangan mudah tunai juga sebahagian besarnya kekal tidak berubah (Rajah 1.21). Berdasarkan analisis sensitiviti, kebanyakan isi rumah berupaya menghadapi kejutan pasaran ekuiti yang teruk seperti yang dialami semasa Krisis Kewangan Asia (Rajah 1.22).

Rajah 1.19: Sektor Isi Rumah – Pinjaman bagi Pembelian Saham Disebut Harga, Pembiayaan Peribadi dan Pembelian Saham di Pasaran Ekuiti




Rajah 1.20: Sektor Isi Rumah - Pinjaman Terkumpul bagi Pembelian Saham Disebut Harga Mengikut Kumpulan Pendapatan




[ ] menunjukkan % bahagian komponen kepada jumlah pinjaman saham disebut harga dalam sistem perbankan

Rajah 1.21: Sektor Isi Rumah - Aset Kewangan Mudah Tunai Mengikut Jenis



Rajah 1.22: Senario Sebelum dan Selepas Kejutan – Perlindungan Aset Kewangan Mudah Tunai Mengikut Kumpulan Pendapatan




BL: Dasar
Senario kejutan, S1: Kemerosotan 77% dalam nilai pemegangan ekuiti dan dana unit amanah harga berubah, berdasarkan kejatuhan 77% Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) pada tahun 1997

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Moratorium pinjaman secara automatik memberikan bantuan kewangan sementara dengan segera kepada kebanyakan isi rumah, terutamanya mereka yang kehilangan pekerjaan dan mengalami pengurangan pendapatan. Pada tahap tertingginya, hampir 90% peminjam isi rumah dengan kira-kira 87% daripada pinjaman isi rumah terkumpul dalam sistem perbankan menerima moratorium kerana kebanyakan peminjam memilih untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman bagi mendapatkan fleksibiliti yang lebih tinggi dalam mengurus aliran tunai mereka pada masa yang amat tidak menentu ini. Sebilangan besar peminjam ini berupaya untuk terus membayar balik hutang, jika mereka memilih berbuat demikian. Berdasarkan rangka kerja margin kewangan yang ditambah baik,[21] Bank menganggarkan bahawa peminjam isi rumah yang mungkin mengalami kesukaran (iaitu peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif) untuk membayar balik hutang akibat kejutan pendapatan dan pengangguran, tidak mungkin mencakupi lebih 15% daripada jumlah peminjam. Dalam kalangan peminjam ini, kira-kira 1% daripada jumlah peminjam dengan 3% hutang isi rumah terkumpul dijangka mungkir selepas mengambil kira penampan kewangan yang dimiliki dan bantuan pembayaran balik pinjaman secara bersasar yang diberikan kepada peminjam yang memerlukan. Kira-kira 40% daripada kes mungkir yang mungkin berlaku terdiri daripada hutang pinjaman perumahan dengan purata nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) sebanyak 70%, lantas mengehadkan dedahan kewangan kepada peminjam yang terjejas dan kerugian kepada sistem perbankan. Selain itu, seperti yang diterangkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2019, peminjam dengan ekuiti positif[22] berkemungkinan besar tidak akan mungkir untuk membayar balik pinjaman perumahan mereka. Bagi isi rumah dengan pendapatan dan penampan kewangan lebih rendah, langkah-langkah sokongan pendapatan kekal penting untuk mengelakkan kesukaran kewangan yang lebih teruk.

Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, lebih banyak peminjam telah menyambung semula pembayaran balik pinjaman mereka berikutan prospek pendapatan dan pekerjaan yang semakin jelas (Rajah 1.23). Kebanyakan peminjam yang menarik diri daripada moratorium pinjaman baru-baru ini adalah terdiri daripada

Rajah 1.23: Sektor Isi Rumah – Liputan Moratorium Pinjaman dalam Sistem Perbankan



* Tidak termasuk kad kredit

Sumber: Bank Negara Malaysia

mereka yang mempunyai pinjaman lebih besar dan berpendapatan tetap melebihi RM5,000 sebulan. Memandangkan kira-kira 70% daripada hutang isi rumah terdiri daripada pinjaman kadar terapung, keupayaan pembayaran balik hutang selepas moratorium akan disokong selanjutnya oleh obligasi hutang bulanan yang lebih rendah berikutan pengurangan OPR yang berturut-turut pada tahun 2020.

Walaupun moratorium secara automatik memberikan fleksibiliti kepada peminjam untuk menguruskan kewangan mereka, sebilangan besar yang menyambung semula pembayaran balik pinjaman berikutan prospek ekonomi yang lebih cerah

Dengan adanya moratorium secara automatik, nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen secara agregat kekal rendah masing-masing pada 1.0% dan 0.9% daripada jumlah hutang isi rumah terkumpul (2019: 1.2% dan 1.1%). Kualiti aset isi rumah dijangka merosot sedikit pada separuh kedua tahun 2020 dan sepanjang tahun 2021 selepas moratorium automatik berakhir. Walau bagaimanapun, institusi perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap kerugian kredit yang lebih tinggi (untuk maklumat lanjut, sila rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan'). Kualiti aset juga dijangka akan terus disokong oleh peralihan kepada langkah-langlah bantuan bersasar dan pemulihan beransur-ansur dalam prospek pendapatan dan pekerjaan.

[21] Sila rujuk Rencana Maklumat bertajuk 'Meramal Masa Isi Rumah akan Mungkir– Penambahbaikan pada Rangka Kerja Margin Kewangan' untuk maklumat lanjut.

[22] Ditakrifkan sebagai pinjaman terkumpul yang dipegang oleh peminjam adalah lebih rendah daripada nilai pasaran rumah berkenaan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana Maklumat bertajuk 'Adakah Isi Rumah Malaysia Mampu Menghadapi Kejutan Harga Rumah?' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2019.

RISIKO OPERASI

Tiada gangguan operasi yang timbul meskipun risiko operasi semakin ketara semasa pandemik dan institusi kewangan mengambil langkah tambahan untuk mengukuhkan pelan kesinambungan perniagaan

Pandemik yang berlaku telah membawa cabaran operasi baharu yang menguji ketangkasan pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plan*, BCP) institusi kewangan. Meskipun risiko operasi semakin ketara, institusi kewangan berjaya mengaktifkan BCP bagi membolehkan perkhidmatan kewangan yang penting terus disediakan kepada orang ramai dan pada masa yang sama melindungi kesihatan dan kesejahteraan kakitangan dan pelanggan (Gambar Rajah 1.2). Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung wabak COVID-19 juga telah mengenakan sekatan tambahan yang memerlukan institusi kewangan menyesuaikan operasi mereka dengan segera dan secara yang tidak pernah difikirkan sebelum ini dalam kebanyakan BCP (dihuraikan secara lebih lanjut di bawah).

Penubuhan segera saluran komunikasi berpusat antara Bank dengan industri sebelum PKP bermula adalah kritikal untuk menyelaraskan pelaksanaan langkah-langkah kesihatan secara berkesan dalam seluruh sektor kewangan. Saluran ini juga menyokong penyebaran maklumat penting tentang insiden risiko operasi dengan pantas sepanjang tempoh PKP. Hal ini membolehkan institusi kewangan mengambil langkah awal untuk melindungi kakitangan, pelanggan dan operasi mereka secara berterusan. Institusi kewangan kebanyakannya terus beroperasi mengikut masa pemulihan yang ditetapkan bagi operasi kritikal mereka, disokong oleh pertambahan sumber dan perhatian pihak pengurusan ke arah memastikan daya tahan sistem sepanjang tempoh PKP.

Gambar Rajah 1.2: Tindak Balas BCP Institusi Kewangan semasa Pandemik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Walaupun operasi kekal berdaya tahan, institusi kewangan terus mengambil tindakan selanjutnya untuk menambah baik BCP yang sedia ada bagi memasukkan langkah-langkah khusus untuk menangani kejadian pandemik:

i. **Persediaan menghadapi gangguan perniagaan yang berlarutan atau meluas**
BCP biasanya direka untuk bertindak balas terhadap gangguan yang berbentuk sama ada sementara atau terhad kepada beberapa lokasi, kemudahan atau sistem. Contohnya, gangguan yang disebabkan oleh kegagalan bekalan kuasa atau infrastruktur, serangan siber dan bencana alam. Walaupun sesetengah BCP memasukkan pandemik sebagai potensi senario, tidak banyak institusi kewangan menjangka gangguan operasi perniagaan yang mungkin timbul daripada beberapa gelombang pandemik akan menjejaskan seluruh negara dan dunia untuk tempoh yang lama. Misalnya, institusi kewangan menganggap bahawa operasi boleh terus berfungsi dengan berpindah kepada pusat pemulihan bencana (*disaster recovery centre*, DRC) dan dengan memastikan kakitangan dibahagikan antara pusat operasi dengan pusat pemulihan. Walau bagaimanapun, sekatan pergerakan yang dilaksanakan menerusi PKP di seluruh negara memaksa institusi kewangan untuk banyak bergantung pada pengaturan bekerja dari jarak jauh bagi menyokong operasi yang dibahagikan atau premis alternatif. Pada kemuncak pandemik, kakitangan yang bekerja dari rumah mencakupi sehingga 70% daripada jumlah tenaga kerja industri. Penguatkuasaan pengaturan bekerja dari jarak jauh dan jumlah ketidakhadiran kakitangan yang lebih tinggi disebabkan oleh langkah kuarantin turut menuntut pelarasan yang pantas terhadap proses perniagaan dan peningkatan keperluan IT tidak dirancang yang sepadan untuk bekerja dari jarak jauh. Oleh itu, institusi kewangan perlu mengkaji semula penilaian risiko masing-masing dalam senario pandemik. Tindakan ini adalah untuk mengenal pasti potensi impak terhadap sumber, kapasiti dan keupayaan IT institusi kewangan bagi menyokong pengaturan bekerja dari jarak jauh yang berskala besar serta peningkatan penggunaan perkhidmatan perbankan dalam talian untuk tempoh masa yang berpanjangan.

ii. **Tahap kesediaan untuk penutupan sepenuhnya ibu-ibu pejabat**
Walaupun secara umumnya BCP menggambarkan tentang kekangan institusi kewangan untuk mengakses premis utama mereka, beberapa institusi kewangan menghadapi masalah untuk mengalihkan seluruh operasi mereka ke premis lain dan/atau melaksanakan pengaturan kerja dari jarak jauh dengan cepat selepas lokasi ibu pejabat atau pejabat utama mereka dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Pengalaman tersebut menunjukkan perlunya usaha menambah baik rancangan kesinambungan terutamanya bagi mengekalkan kawalan yang berkesan terhadap fungsi penting yang secara umumnya bergantung pada kehadiran fizikal kakitangan seperti operasi perbendaharaan, pusat panggilan dan sokongan IT. Sebagai contoh, institusi kewangan sedang membangunkan kawalan alternatif untuk memastikan maklumat pelanggan dan maklumat sulit lain dikendalikan dengan selamat oleh pusat panggilan dan kakitangan perbendaharaan yang bekerja dari rumah. Mereka juga sedang menyediakan beberapa premis alternatif untuk kakitangan penting yang tidak dapat melaksanakan fungsinya secara kondusif dari rumah. Institusi kewangan juga perlu memastikan bahawa mereka menyimpan dan menyemak semula senarai aktiviti dan kakitangan penting mereka secara berkala, termasuk mengenal pasti dengan lebih awal kakitangan pengganti yang harus diberikan latihan praktikal secara berterusan bagi memastikan mereka sentiasa bersedia untuk melakukan aktiviti yang dikehendaki.

iii. **Kebergantungan kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang kritikal**
Pandemik yang berlaku menzahirkan keadaan kebergantungan industri kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk menyokong operasi perniagaan penting yang semakin meningkat ini. Hal ini tidak diambil perhatian dan ditangani secukupnya dalam BCP institusi kewangan. Sebagai contoh, bagi perniagaan insurans am, ajuster kerugian yang penting dalam menilai tuntutan kerosakan tidak dapat melakukan lawatan ke premis lantas menyebabkan proses tuntutan terganggu. Banyak vendor IT luar dan kakitangan sokongan tidak dapat memberikan sokongan teknikal tepat pada masanya akibat sekatan pergerakan. Hal

ini seterusnya meningkatkan risiko kegagalan sistem. Beberapa bank juga terpaksa mencatu pengeluaran kad kredit dan debit gantian kerana mereka tidak dapat menambah stok kad mereka. Institusi kewangan perlu mengkaji semula secara holistik pengaturan komunikasi dan penyelarasan dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga mereka yang sedia ada bagi mendapatkan jaminan tentang tahap kesediaan BCP entiti-entiti ini. Mereka juga perlu menilai kemampuan sendiri untuk memindahkan fungsi penting secara dalaman atau kepada penyedia perkhidmatan alternatif apabila perlu.

iv. Keteguhan Pusat Operasi Keselamatan

Dalam persekitaran kesalinghubungan yang pelbagai dan semakin meningkat dengan rangkaian korporat dalaman, institusi kewangan memerlukan Pusat Operasi Keselamatan (*Security Operations Centre*, SOC) yang mampu memantau kedudukan keselamatan teknologinya. Semasa pandemik, kesalinghubungan meningkat dengan nyata disebabkan terutamanya oleh kebergantungan yang semakin besar terhadap pengaturan kerja dari jarak jauh, bilangan peranti titik akhir (*end-point devices*) dan sambungan luar yang lebih tinggi, serta peningkatan jumlah transaksi kewangan dalam talian. Faktor-faktor ini telah mendorong institusi kewangan mengkaji semula kemampuan dan liputan pengawasan SOC. Bagi SOC yang dikendalikan oleh pihak ketiga, BCP juga perlu memasukkan rancangan luar jangka yang sesuai bagi memastikan pengawasan yang berterusan terhadap keselamatan siber dan titik akhir (*cyber and end-point security*).

Tidak ada peningkatan kerugian dan insiden risiko operasi, tetapi risiko yang timbul memerlukan pengawasan yang berterusan

Walaupun terdapat cabaran operasi yang timbul akibat pandemik dan PKP, kerugian risiko operasi pada amnya kekal stabil. Walau bagaimanapun, Bank dan institusi kewangan terus berwaspada terhadap risiko yang berkaitan dengan pelarasan operasi yang telah dibuat oleh institusi kewangan bagi mematuhi norma baharu penjarakan fizikal. Hal ini termasuk:

- Peningkatan dedahan kepada risiko serangan siber yang timbul daripada pelaksanaan pengaturan kerja dari jarak jauh dan kebergantungan yang lebih tinggi terhadap platform digital;
- Risiko kebocoran maklumat dan kecurian data daripada operasi yang dilakukan dalam persekitaran rumah;
- Kesilapan manusia berikutan jangkaan meningkatnya pengendalian pengecualian (*exception handling*) dan campur tangan manual untuk mengurangkan gangguan operasi. Komunikasi yang tidak berkesan semasa pembahagian operasi dan perubahan pada prosedur operasi standard juga boleh meningkatkan risiko kesilapan dan ketinggalan (*errors and omissions*); dan
- Potensi kakitangan terkena jangkitan di tempat kerja berikutan kehadiran kakitangan ke tempat kerja secara beransur-ansur dalam keadaan ancaman gelombang jangkitan COVID-19 yang seterusnya.

Sistem pembayaran dan penyelesaian mengekalkan kesinambungan operasi tanpa gangguan yang ketara

Sistem pembayaran Malaysia terus beroperasi dengan lancar tanpa gangguan yang ketara, dengan sistem pembayaran bernilai besar, iaitu Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (*Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System*, RENTAS)[23] dan sistem pembayaran runcit mengekalkan tahap ketersediaan sistem yang tinggi melebihi 99.9%. Pelaksanaan penambahbaikan pada sistem pembayaran yang selesai sebelum PKP telah mengurangkan lagi risiko gangguan. Hasilnya, bilangan insiden yang mengakibatkan gangguan terpencil pada RENTAS dan sistem pembayaran runcit menurun dengan ketara pada ST1 2020, masing-masing berkurang sebanyak 24% dan 43% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Meskipun terdapat peningkatan dalam transaksi pembayaran yang disebabkan antara lainnya, oleh

[23] RENTAS ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip.

lonjakan kegiatan e-dagang dan pelaksanaan langkah Kerajaan seperti Bantuan Prihatin Nasional, kedua-dua sistem pembayaran RENTAS dan sistem pembayaran runcit dapat memenuhi peningkatan permintaan pada keupayaan maksimum.

BCP yang merangkumi pengaktifan pusat pemulihan, pelaksanaan pembahagian operasi antara pelbagai premis dan peningkatan keupayaan akses dari jarak jauh telah dilaksanakan secara berkesan oleh pengendali sistem pembayaran dan telah membolehkan operasi berjalan secara berterusan tanpa gangguan yang besar. Penyelarasan dan komunikasi yang mantap antara pengendali sistem pembayaran dengan peserta melalui pengaktifan Pasukan Pengurusan Krisis (*Crisis Management Team*, CMT) terus memastikan langkah-langkah pembetulan dapat dilaksanakan tepat pada masanya untuk mengurangkan risiko kemungkinan berlakunya gangguan. Sama seperti institusi kewangan, pengendali sistem pembayaran juga sedang menambah baik BCP mereka dengan mengambil kira iktibar serta pemahaman yang lebih mendalam akibat pandemik ini. Hal ini merupakan sebahagian daripada langkah-langkah berterusan yang diambil untuk memelihara kelangsungan operasi.

Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan

Rencana ini menghuraikan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) bersama-sama dengan sektor perbankan dan sektor insurans/takaful untuk membantu peminjam yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Sebagai tindak balas terhadap gangguan ekonomi yang ketara yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan langkah- langkah yang diambil untuk membendung penularan pandemik ini, Bank memperkenalkan pelbagai langkah bagi membantu perniagaan dan individu menghadapi tempoh yang sukar ini. Langkah-langkah ini bertujuan untuk menyokong ekonomi menghadapi kejutan besar yang sementara, dan dengan itu menghindarkan kemudaratan kepada ekonomi untuk jangka lebih panjang. Pada masa yang sama, usaha memastikan bahawa pandemik ini tidak berkembang menjadi krisis kewangan terus menjadi keutamaan bagi mencapai pemulihan ekonomi yang cepat dan kukuh.

Langkah-langkah yang Diperkenalkan dalam Sektor Perbankan

Dalam sektor perbankan, langkah-langkah tertumpu pada: (i) memberikan bantuan aliran tunai segera kepada individu dan perniagaan bagi mengekalkan pekerjaan dan mata pencarian; (ii) memberikan fleksibiliti pengawalseliaan dan operasi yang sesuai kepada institusi perbankan untuk bertindak dengan cepat bagi membantu peminjam yang memerlukan bantuan; dan (iii) mengekalkan kelancaran proses pengantaraan kewangan untuk menyokong pemulihan ekonomi serta penstrukturan semula dan pembaharuan ekonomi pasca-COVID-19.

Mengurangkan kekangan aliran tunai individu dan perniagaan (Gambar Rajah 1)

Fasa 1: Langkah-langkah untuk memberikan bantuan aliran tunai segera berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Walaupun institusi perbankan telah membantu peminjam yang menghadapi kesulitan kewangan secara proaktif melalui penjadualan semula dan penstrukturan semula pinjaman/pembiayaan sejak awal bulan Februari, sekatan pergerakan melalui PKP dan penutupan sementara perniagaan pada pertengahan bulan Mac 2020 menimbulkan cabaran logistik yang ketara terhadap usaha-usaha ini kerana semakin banyak peminjam memerlukan bantuan pembayaran balik pinjaman. Juga penting ialah kebimbangan terhadap kesan gangguan ekonomi dan sosial yang lebih besar dan tidak seimbang terhadap individu yang berpendapatan lebih rendah dan perniagaan lebih kecil.

Selepas mengadakan rundingan singkat dengan industri perbankan dan mengambil kira keadaan sebenar yang berlaku ketika itu, Bank dan industri bersetuju untuk melaksanakan penangguhan secara automatik bagi semua pembayaran balik pinjaman/pembiayaan yang layak untuk tempoh enam bulan dari 1 April 2020 kepada individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Peminjam yang tidak mahu atau tidak memerlukan penangguhan pembayaran balik pinjaman/pembiayaan boleh meneruskan pembayaran berjadual mereka. Langkah ini membolehkan institusi perbankan memberikan bantuan segera secara besar-besaran kepada individu dan PKS yang melalui tempoh tekanan kewangan yang sangat sukar dan pergerakan yang terhad. Pada masa yang sama, sumber operasi institusi perbankan diperuntukkan semula untuk memberikan tumpuan pada usaha menyokong syarikat korporat yang memerlukan bantuan dengan menstrukturkan semula dan menjadualkan semula pinjaman/pembiayaan, walaupun hal ini tidak terkandung dalam program penangguhan secara automatik.

Pengecualian sementara daripada pelaporan kredit di bawah Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Central Credit Reference Information System*, CCRIS) turut diberikan bagi meredakan kebimbangan peminjam bahawa penerimaan bantuan pembayaran balik pinjaman akan menjejaskan sejarah kredit mereka dan akses kepada kredit pada masa depan. Pengecualian pelaporan mengambil maklum terdapatnya keadaan luar biasa yang timbul dan sedikit sebanyak masih wujud, yang akan mengurangkan nilai keberkesanan maklumat pelaporan kredit sebagai penunjuk jangkaan tingkah laku lazim pembayaran balik peminjam.

Institusi perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong program penangguhan secara automatik pada skala seperti ini, disebabkan oleh penampan kewangan besar yang telah lama dibina. Pada akhir bulan Jun 2020, nisbah jumlah modal sistem perbankan berada pada 18.3% dengan lebihan penampan modal agregat pada RM122 bilion, sementara nisbah perlindungan mudah tunai berada pada 149.2%. Sebagai langkah awalan, Bank juga mengurangkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR) sebanyak 100 mata asas. Langkah ini, berserta dengan fleksibiliti SRR tambahan yang diberikan kepada Peniaga Utama (*Principal Dealers*), telah menambah kira-kira RM30 bilion mudah tunai ke dalam sistem perbankan.

Pada mulanya, lebih 95% peminjam individu dan PKS telah mengambil penangguhan pembayaran balik secara automatik. Sehingga 25 September 2020, sebanyak 840,000 peminjam individu dan PKS telah menarik diri daripada program tersebut, atau sudah menyambung semula pembayaran balik sejajar dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik. Bilangan ini dijangka terus meningkat berikutan berakhirnya penangguhan pembayaran balik pinjaman secara automatik. Bagi peminjam yang masih menghadapi kesukaran untuk menyambung semula pembayaran balik pinjaman, institusi perbankan akan terus memberikan bantuan pembayaran balik pinjaman yang lebih bersasar berdasarkan permintaan peminjam. Sehingga kini, institusi perbankan telah melayani permintaan untuk bantuan pembayaran balik daripada hampir 480,000 individu dan 34,400 PKS dalam sektor yang terjejas akibat COVID-19. Seperti yang dinyatakan dalam bahagian Risiko Kredit dalam Bab 1, ciri penangguhan pembayaran balik yang automatik kepada individu dan PKS berkemungkinan menyembunyikan bilangan sebenar peminjam yang telah dan mungkin akan terus mengalami tekanan kewangan yang meningkat. Bank menjangkakan bahawa jejas nilai sebenar juga mungkin lebih sederhana daripada jangkaan awal berikutan peningkatan tanda-tanda pemulihan.

Fasa 2: Langkah-langkah untuk menyokong pemulihan dengan pelonggaran PKP secara beransur-ansur

Dengan pelonggaran PKP secara beransur-ansur sejak awal bulan Mei 2020, perniagaan-perniagaan telah memulakan operasi dan individu-individu dapat kembali bekerja secara berperingkat. Dengan itu, banyak peminjam yang pada awalnya memilih untuk mengambil moratorium telah menyambung semula pembayaran balik pinjaman/pembiayaan mereka. Namun begitu, sesetengah peminjam mungkin terus menghadapi cabaran dalam memenuhi obligasi kewangan mereka kerana pemulihan yang tidak sekata dalam pelbagai sektor ekonomi.

Oleh itu, langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Bank pada fasa seterusnya telah beralih kepada pendekatan yang lebih bersasar sejajar dengan pemulihan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur. Pendekatan ini bertujuan untuk–

- memastikan bahawa bantuan pembayaran balik pinjaman terus diberikan kepada peminjam yang memerlukannya berdasarkan keadaan kewangan khusus masing-masing;
- memelihara penampan kewangan institusi perbankan bagi menyerap jangkaan kerugian kredit yang lebih tinggi disebabkan oleh kesan pandemik, dan menyokong pemberian pinjaman/pembiayaan baharu ketika ekonomi memasuki fasa pemulihan. Kemerosotan penampan kewangan institusi perbankan di bawah penangguhan pembayaran balik pinjaman secara menyeluruh akan meningkatkan risiko kekangan penawaran kredit kepada ekonomi dan kerugian kepada pendeposit dan pelaburan awam; dan
- mengimbangi kepentingan jangka lebih panjang peminjam dengan mengurangkan kos keseluruhan yang ditanggung oleh mereka berikutan penerimaan bantuan pembayaran balik pinjaman. Hal ini dapat dicapai dengan memastikan bahawa hanya mereka yang memerlukan bantuan lebih lanjut boleh membuat permohonan, sementara mereka yang boleh menyambung semula pembayaran balik, melakukannya sebaik sahaja ada peluang.

Gambar Rajah 1: Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kekangan Aliran Tunai Individu dan Perniagaan



Fasa 1: Langkah-langkah untuk memberikan bantuan aliran tunai segera berikutan pelaksanaan PKP

Bantuan pembayaran balik pinjaman secara menyeluruh

- Penangguhan secara automatik selama 6 bulan bagi semua pembayaran balik pinjaman/ pembiayaan yang layak untuk individu dan PKS
- Penukaran baki kad kredit kepada pinjaman/ pembiayaan bertempoh
- Penjadualan semula dan penstrukturan semula pinjaman/pembiayaan korporat

Fasa 2: Langkah-langkah untuk menyokong pemulihan dengan pelonggaran PKP secara beransur-ansur

Bantuan pembayaran balik pinjaman secara bersasar

- Penangguhan tambahan selama 3 bulan bagi pembayaran balik pinjaman/pembiayaan untuk peminjam yang tidak mempunyai pekerjaan
- Pengurangan pembayaran balik pinjaman/ pembiayaan yang setara dengan pengurangan pendapatan peminjam
- Menghentikan sebarang kenaikan kadar pinjaman/ pembiayaan bagi pembayaran balik yang tertunggak antara 1 Oktober hingga 31 Disember 2020

- Tidak dilaporkan sebagai "dijadualkan semula dan distrukturkan semula" dan "kredit terjejas" dalam CCRIS

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bilangan peminjam yang memerlukan tempoh lanjutan untuk bantuan pembayaran balik pinjaman mungkin masih besar, berbanding dengan pengalaman institusi perbankan dalam keadaan normal. Dalam hal ini, institusi perbankan perlu memastikan bahawa mereka memperuntukkan sumber dan perhatian pengurusan yang sesuai bagi usaha bantuan pembayaran balik pinjaman, termasuk pemantauan yang berkesan terhadap risiko yang timbul daripada aktiviti ini. Bagi tujuan tersebut, institusi perbankan dikehendaki menubuhkan bilik gerakan khas (*dedicated command centres*) yang bertanggungjawab untuk menyelia dan menyelaras pelaksanaan strategi bantuan pembayaran balik pinjaman institusi perbankan di bawah pendekatan "seluruh bank" (*"whole of bank" approach*). Pendekatan sedemikian menyokong kemampuan institusi perbankan untuk mengendalikan jumlah pertanyaan dan permintaan pelanggan yang besar, sambil menyediakan kejelasan (*visibility*), kawalan dan kecepatan yang lebih tinggi dalam peralihan daripada penangguhan pembayaran balik pinjaman/pembiayaan secara automatik kepada bantuan pembayaran balik yang lebih bersasar.

Sebagai sebahagian daripada usaha peralihan ini, Bank juga mengehendaki institusi perbankan menghentikan sebarang kenaikan kadar pinjaman/pembiayaan ke atas pembayaran balik yang tertunggak antara 1 Oktober hingga 31 Disember 2020. Perkara ini bertujuan untuk memberikan peluang yang mencukupi kepada peminjam untuk memuktamadkan pelan bantuan pembayaran balik mereka dengan institusi perbankan setelah berakhirnya moratorium pada 30 September 2020.

Bagi institusi perbankan Islam, keperluan tambahan diperkenalkan untuk mengurangkan kesukaran kewangan dan beban operasi yang dihadapi oleh pelanggan yang memohon bantuan pembayaran. Berlandaskan konsep ihsan dalam Shariah, Majlis Penasihat Shariah Bank tidak membenarkan institusi perbankan Islam untuk memasukkan dan mengambil kira keuntungan terakru daripada pembiayaan asal ke dalam amaun prinsipal yang baharu bagi penjadualan semula dan penstrukturan semula pembiayaan yang diberikan sebagai bantuan pembayaran kepada pelanggan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Keputusan tersebut bertujuan untuk mengurangkan kesan kewangan keseluruhan daripada penjadualan semula dan penstrukturan semula pembiayaan kepada pelanggan yang terjejas teruk akibat pandemik. Bagi meringankan beban operasi dan mengelakkan kos tambahan, institusi perbankan Islam dibenarkan untuk melaksanakan penstrukturan semula pembiayaan dengan memeterai perjanjian tambahan (*supplementary agreement*) sahaja tanpa memerlukan perjanjian baharu, dengan syarat pembiayaan tersebut distrukturkan semula dengan menggunakan pembiayaan yang berasaskan kontrak Shariah yang sama.

Langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan untuk memudahkan program bantuan pembayaran balik pinjaman dan menyokong pemberian pinjaman/pembiayaan kepada ekonomi (Gambar Rajah 2)

Langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang pelbagai digunakan oleh Bank untuk memberikan kapasiti operasi tambahan kepada institusi perbankan bagi menguruskan dan bertindak balas secara berkesan terhadap kesan krisis akibat pandemik. Perkara ini termasuk memperjelaskan penggunaan keperluan kehematan dan amalan pasaran untuk mengelakkan kesan curam (*cliff effect*) dan pergeseran operasi tidak disengajakan (*unintended operational friction*) yang boleh memudaratkan aktiviti pemberian pinjaman/pembiayaan kritikal dan usaha bantuan pembayaran balik pinjaman. Beberapa langkah yang telah dirancang untuk menambah baik konsistensi antara rangka kerja modal dan pengurusan risiko kredit juga dipercepatkan untuk meningkatkan kapasiti institusi perbankan menyokong kegiatan ekonomi. Selain itu, garis masa untuk beberapa inisiatif pengawalan dan penyeliaan ditangguhkan sementara waktu untuk membolehkan institusi perbankan menguruskan sumber mereka dengan lebih baik pada masa ini. Langkah-langkah ini dijangka tidak akan menjejaskan kekukuhan kewangan dan daya tahan institusi perbankan dengan ketara.

Gambar Rajah 2: Langkah-langkah Pengawalan dan Penyeliaan untuk Memudahkan Program Bantuan Pembayaran Balik Pinjaman dan Menyokong Pemberian Pinjaman kepada Ekonomi



Fleksibiliti untuk memudahkan bantuan pembayaran balik pinjaman

- Memperjelas syarat untuk takrifan kemungkiran di bawah rangka kerja kecukupan modal
- Memperjelas fleksibiliti untuk pelaksanaan bantuan pembayaran yang berbilang dalam tempoh tertentu
- Tempoh penangguhan dikecualikan daripada penentuan tempoh tertunggak bagi klasifikasi pengawalseliaan dan perakaunan

Meningkatkan keupayaan operasi untuk menyokong pemberian pinjaman

- Merasionalkan had pemberian pinjaman untuk sektor harta tanah dan pembiayaan saham
- Membenarkan penggunaan penampan pengekalan modal sebanyak 2.5%
- Membenarkan institusi perbankan beroperasi di bawah nisbah perlindungan mudah tunai minimum sebanyak 100%
- Membenarkan institusi perbankan mengurangkan rizab pengawalseliaan yang dipegang terhadap jangkaan kerugian kepada 0%
- Membenarkan institusi perbankan mematuhi keperluan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (*Net Stable Funding Ratio*, NSFR) minimum sebanyak 80%

Institusi perbankan perlu membina semula penampan-penampan mereka ke paras minimum dan mematuhi keperluan NSFR sebanyak 100% menjelang 30 September 2021

Mengurangkan beban pematuhan dan operasi

- Melanjutkan tempoh masa untuk pelaporan data pengawalan, penyeliaan dan perangkaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mengekalkan kelancaran proses pengantaraan kewangan bagi menyokong pemulihan ekonomi serta penstrukturan semula dan pembaharuan ekonomi pasca-COVID-19 (Gambar Rajah 3)

Bagi melengkapi skim pembiayaan yang ditawarkan oleh Kerajaan dan institusi kewangan, Bank telah menambah baik kemudahan pembiayaan yang sedia ada di bawah Tabung BNM untuk PKS (Tabung) dan meningkatkan peruntukan kemudahan-kemudahan tersebut bagi memberikan bantuan pinjaman/pembiayaan kepada lebih banyak PKS yang berdaya maju dalam tempoh yang penuh cabaran ini. Peruntukan Tabung ditambah sebanyak RM9 bilion kepada RM18.1 bilion untuk menyokong pemberian pinjaman kepada PKS. Daripada jumlah ini, sebanyak RM10 bilion disediakan di bawah Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) yang diperkenalkan secara khusus untuk membantu peminjam PKS yang berdaya maju menghadapi kekangan aliran tunai sementara disebabkan oleh

pandemik.[1] Sebanyak 21,000 PKS menerima bantuan di bawah SRF yang membantu mengekalkan lebih daripada 450,000 pekerjaan dalam PKS di seluruh negara dan sektor perniagaan. PKS juga boleh memohon pelbagai bantuan pembiayaan lain di bawah Tabung,[2] dengan dana bernilai RM2.6 bilion masih tersedia untuk permohonan baharu pada akhir September 2020. Kemudahan ini telah membantu mengurangkan tanda-tanda pemberian pinjaman/pembiayaan bank yang ketat kepada PKS. Pada separuh pertama tahun 2020, sistem perbankan secara keseluruhan menyalurkan sejumlah RM120 bilion pinjaman/pembiayaan kepada PKS, dengan lebih banyak akaun diluluskan pada tahun 2020 apabila dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun-tahun sebelumnya (ST1 2020: 65,597 akaun; ST1 2019: 57,367 akaun). Namun demikian, saiz pembiayaan purata telah menyusut dengan lebih banyak PKS memohon jumlah pembiayaan yang lebih rendah, terutamanya untuk menampung keperluan aliran tunai dalam tempoh pandemik. Langkah-langkah dasar, termasuk skim jaminan kredit dan akses yang lebih mudah kepada Tabung BNM, juga terus menyokong akses kepada pembiayaan untuk PKS.

Gambar Rajah 3: Mengekalkan Kelancaran Proses Pengantaraan Kewangan untuk Menyokong Pemulihan Ekonomi serta Penstrukturan Semula dan Pembaharuan Ekonomi Pasca-COVID-19



SRF	AES	PTF	ADF	AF	MEF
RM10 bil	*RM5 bil*	*RM1 bil*	*RM300 juta*	*RM1.5 bil*	*RM300 juta*
• Membantu meringankan aliran tunai jangka pendek	• Meningkatkan akses kepada pembiayaan	• Membantu PKS dalam sektor pelancongan	• Menggalakkan PKS mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi	• Meningkatkan pengeluaran makanan	• Pembiayaan tanpa cagaran kepada perusahaan mikro

* Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF); Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (*All Economic Sectors Facility*, AES); Pembiayaan Pelancongan PENJANA (*PENJANA Tourism Financing*, PTF); Kemudahan Automasi dan Digital PKS (*Automation and Digitalisation Facility*, ADF); Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility*, AF); Kemudahan Perusahaan Mikro (*Micro Enterprises Facility*, MEF)

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Langkah-langkah yang Diperkenalkan dalam Sektor Insurans dan Takaful

Pelbagai langkah bantuan sementara juga disediakan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) untuk membantu pemegang polisi insurans dan peserta takaful yang menghadapi kekangan kewangan akibat pandemik COVID-19. Langkah-langkah ini membantu mengurangkan isu aliran tunai sambil mengelakkan kehilangan perlindungan insurans dan takaful.

Fleksibiliti pembayaran premium insurans dan sumbangan takaful

Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga secara kolektif bersetuju untuk menawarkan pilihan kepada individu dan PKS yang terjejas akibat COVID-19 untuk menangguhkan pembayaran premium insurans hayat dan sumbangan takaful keluarga bagi tempoh tiga bulan. Pemegang polisi dan peserta takaful juga boleh memohon bantuan lain yang ditawarkan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga berdasarkan keperluan perlindungan dan kemampuan mereka. Hal ini termasuk melanjutkan tempoh penguatkuasaan semula polisi dan sijil yang telah luput, membenarkan pindaan pada polisi dan sijil tanpa sebarang fi/caj, dan memberikan pengecualian daripada penalti atau caj berikutan kelewatan pembayaran premium/sumbangan bagi pemegang polisi dan peserta takaful yang tidak dapat mengakses saluran pembayaran elektronik semasa PKP.

[1] Untuk butiran tentang penerima SRF, sila rujuk https://www.bnm.gov.my/index.php?rp=srf_bm.
[2] Tidak termasuk SRF, langkah pembiayaan lain di bawah Tabung berjumlah RM8.1 bilion, termasuk RM1.5 bilion Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility*, AF), RM300 juta Kemudahan Automasi dan Digital PKS (*Automation and Digitalisation Facility*, ADF), RM5 bilion Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (*All Economic Sectors Facility*, AES), RM300 juta Kemudahan Perusahaan Mikro (*Micro Enterprises Facility*, MEF) dan RM1 bilion Kemudahan Pelancongan PENJANA (*PENJANA Tourism Financing*, PTF). Untuk butiran lanjut, sila rujuk https://www.bnm.gov.my/covid19/bnmfunds.php.

Penanggung insurans dan pengendali takaful am turut memberikan bantuan kepada pemegang polisi dan peserta takaful yang terjejas dengan memberikan pilihan untuk menstrukturkan semula polisi insurans dan sijil takaful mereka, dengan fleksibiliti diberikan pada syarat pembayaran premium dan sumbangan.

Lebih daripada 57,000 pemegang polisi insurans hayat dan peserta takaful keluarga memilih bantuan penangguhan pembayaran premium insurans dan sumbangan takaful berjumlah kira-kira RM71 juta setakat bulan September 2020. Sementara itu, penanggung insurans dan pengendali takaful am memberikan bantuan dalam bentuk penangguhan pembayaran dan penstrukturan semula pelan insurans dan takaful yang melibatkan 6,500 polisi insurans dan sijil takaful, dengan premium insurans dan sumbangan takaful berjumlah kira-kira RM104 juta.

Langkah-langkah bantuan lain untuk meringankan beban kewangan pemegang polisi dan peserta takaful yang terjejas

ITO juga mengetepikan syarat-syarat polisi/sijil yang berkenaan dengan pengecualian, pembayaran bersama dan tempoh menunggu, serta mempercepatkan proses pembayaran tuntutan insurans dan takaful yang berkaitan dengan COVID-19. Hal ini termasuk tuntutan untuk kos ujian saringan COVID-19 dan perbelanjaan peralatan perlindungan diri yang terlibat dalam proses mendapatkan rawatan perubatan yang diliputi oleh polisi insurans dan sijil takaful. Sebilangan ITO juga menangguhkan penentuan semula jumlah premium polisi insurans dan sumbangan sijil takaful perubatan dan kesihatan sehingga tahun 2021 untuk meringankan beban kewangan pemegang polisi dan peserta takaful.

Bagi menyokong usaha meningkatkan ujian saringan COVID-19 dan mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan masyarakat, industri insurans dan takaful memperuntukkan sejumlah RM8 juta bagi membiayai ujian saringan COVID-19 bagi individu layak yang dilindungi di bawah polisi insurans dan sijil takaful perubatan.

Langkah pengawalan dan penyeliaan bagi memudahkan penangguhan premium/ sumbangan

Sama seperti institusi perbankan, langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan juga diperluaskan kepada ITO bagi menyokong usaha mereka dalam menangani kesan COVID-19. Antara langkah ini ialah pelaksanaan awal penambahbaikan yang telah dirancang bagi meningkatkan liputan risiko dan konsistensi secara keseluruhan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi penanggung insurans dan pengendali takaful (*Risk-Based Capital framework*, RBC). Perincian lanjut mengenai langkah-langkah ini dinyatakan dalam Gambar Rajah 4.

Gambar Rajah 4: Langkah-langkah Pengawalan dan Penyeliaan untuk Memudahkan Penangguhan Premium/ Sumbangan



Liputan risiko yang dipertingkat selaras dengan penambahbaikan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (*Risk-Based Capital framework*, RBC)

- Pelarasan had faktor tekanan bagi caj modal untuk risiko kadar faedah/keuntungan, daripada 40% kepada 30%, berkuat kuasa 31 Mac 2020
- Pertimbangan bagi ITO untuk menggunakan kaedah alternatif yang dipertingkat bagi pengiraan caj modal untuk risiko kadar faedah/keuntungan

Langkah-langkah sementara untuk memudahkan bantuan kepada pemegang polisi/peserta takaful yang terjejas*

Modal	• Mengecualikan caj modal risiko kredit bagi dedahan berkaitan dengan penangguhan premium/sumbangan • Membenarkan penggunaan penampan modal di bawah Paras Modal Sasaran Individu (*Individual Target Capital Level*) berdasarkan keadaan institusi tersebut
Perniagaan berkaitan pelaburan	• Fleksibiliti dalam pematuhan pada keperluan berkaitan dengan kemampanan polisi/sijil untuk premium/sumbangan • Penzahiran yang dipermudahkan untuk menunjukkan kesan pengubahan polisi/ sijil terhadap kemampanan polisi/sijil, tertakluk pada perlindungan yang sesuai
Repo berbalik	Membenarkan akses kepada kemudahan repo berbalik yang disediakan oleh Bank untuk memenuhi keperluan mudah tunai

Meringankan beban pematuhan dan operasi

- Melanjutkan tempoh masa untuk pelaporan data pengawalan, penyeliaan dan perangkaan

* Ini termasuk:

(a) Individu yang dijangkiti COVID-19, dikenakan kuarantin mandatori di rumah disebabkan kontak dengan pesakit COVID-19 atau mereka yang kehilangan pendapatan akibat situasi yang berpunca daripada COVID-19; dan

(b) PKS yang kehilangan pendapatan akibat situasi yang berpunca daripada COVID-19. Contoh kejadian yang menyebabkan kehilangan pendapatan termasuk: (i) Bagi individu: diberhentikan kerja, waktu kerja dipendekkan, dikehendaki bercuti tanpa gaji dan potongan gaji atau komisen; dan (ii) Bagi mereka yang bekerja sendiri dan PKS: kehilangan pendapatan perniagaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Persatuan Insurans Am Malaysia, Persatuan Insurans Hayat Malaysia, dan Persatuan Takaful Malaysia

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

33 Sektor Perbankan
42 Sektor Insurans dan Takaful
45 Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan


SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan mudah tunai yang kukuh membolehkan bank menyokong pengantaraan kewangan dan melaksanakan pelbagai langkah bantuan

Kedudukan mudah tunai bank kekal kukuh walaupun hampir 90% pembayaran balik pinjaman runcit ditangguhkan di bawah moratorium secara automatik.[1] Keadaan ini disokong oleh penampan permulaan bank yang kukuh serta pertumbuhan deposit yang lebih tinggi berikutan pemegangan tunai untuk tujuan berjaga-jaga, terutamanya dalam kalangan penyimpan individu pada suku kedua tahun 2020 (Rajah 2.1). Berikutan pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR) sebanyak 100 mata asas pada bulan Mac bersama-sama fleksibiliti SRR tambahan yang telah menyuntik lebih banyak mudah tunai ke dalam sistem perbankan, bank-bank kurang memerlukan pendanaan antara bank dan tidak menggunakan fleksibiliti yang diberikan untuk beroperasi di bawah paras minimum Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio*, LCR) sebanyak 100%. Sepanjang separuh pertama tahun 2020, LCR sistem perbankan kekal melebihi 140% (Disember 2019: 149.1%) (Rajah 2.2). Keadaan pendanaan dalam sistem perbankan juga terus stabil dengan nisbah pinjaman kepada dana pada 82.0% (Disember 2019: 83.2%) (Rajah 2.3). Semua bank berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan minimum Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (*Net Stable Funding Ratio*, NSFR) sebanyak 80% yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2020.


[1] Malaysia merupakan antara negara pertama daripada sebilangan kecil negara di dunia yang melaksanakan penangguhan pembayaran balik pinjaman/pembiayaan secara automatik untuk peminjam yang layak.

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima




Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai, Aset Mudah Tunai Berkualiti Tinggi dan Aliran Keluar Tunai Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko yang disebabkan oleh pendanaan luar negeri dan mata wang bersilang kekal terurus


Risiko daripada dedahan hutang luar negeri bank kekal terurus dengan pergantungan bank yang rendah pada pendanaan luar negeri yang secara keseluruhannya terus stabil di bawah 10% daripada jumlah pendanaan sejak beberapa tahun lalu. Sebahagian besar kenaikan hutang luar negeri bank yang berjumlah RM22.9 bilion pada ST1 2020 disebabkan oleh peningkatan peminjaman dalam kumpulan oleh bank asing di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (*Labuan International Business and Financial Centre*, LIBFC) sejajar dengan aktiviti perniagaan *'out-out'* mereka (Rajah 2.4). Walaupun beberapa bank tempatan[2] telah meningkatkan peminjaman mata wang bersilang pada S1 2020 untuk menguruskan keperluan mudah tunai jangka pendek daripada deposit yang matang dan permintaan terhadap pinjaman FCY domestik, peningkatan ini telah berkurang pada S2 2020 berikutan kos pendanaan domestik yang lebih rendah. Lebih 60% daripada dedahan luaran bank adalah dalam bentuk penempatan dalam kumpulan dan sekuriti hutang jangka panjang, yang kurang terdedah kepada risiko pengeluaran secara mengejut atau risiko pelanjutan (*rollover risks*) (Rajah 2.5). Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position*, FX NOP) bank juga kekal di bawah paras yang dicatat dalam sejarah kebelakangan ini (purata 5 tahun: 5.6%) (Rajah 2.6). Walau bagaimanapun, kedudukan ini meningkat daripada paras akhir tahun 2019 ekoran kesanggupan mengambil risiko oleh bank yang meningkat, khususnya selepas tekanan dalam pasaran pendanaan USD yang berlaku sebelum ini reda. Hal ini berikutan suntikan mudah tunai yang ketara oleh Federal Reserve AS bagi mengurangkan tekanan pasaran. Bank-bank terus mengekalkan pemegangan aset FCY mudah tunai yang stabil dan cukup untuk menampung lebih daripada tiga kali 'hutang luar negeri FCY berisiko' mereka (Rajah 2.7).[3]

Kos dana bank terus berada pada trend yang menurun ekoran kesan pindahan yang ketara daripada pengurangan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) yang berturut-turut kepada kadar deposit dan pasaran wang (Rajah 2.8). Peralihan kepada deposit yang lebih cair dan berjangka lebih pendek juga menyebabkan kos dana secara relatif rendah. Ketidakpastian yang lebih besar dalam kalangan isi rumah dan perniagaan menyebabkan mereka memilih untuk menyimpan wang tunai dalam akaun semasa dan simpanan (*current and savings accounts*, CASA) yang lebih cair, sementara persaingan antara bank untuk deposit tetap berjangka lebih panjang juga reda atas jangkaan bahawa OPR akan terus dikurangkan (Rajah 2.9). Dalam jangka masa terdekat, kos pendanaan bank dijangka kekal rendah apabila bank secara beransur-ansur menetapkan semula kadar deposit untuk mengambil kira kesan pengurangan OPR yang terbaru.


[2] Merujuk kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG) dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia (LIFB).

[3] 'Hutang luar negeri berisiko' bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan yang dianggap lebih terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba.


Rajah 2.4: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen




Rajah 2.5: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Jenis Dedahan dan Instrumen



Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD Sebagai Peratusan daripada Modal




Rajah 2.7: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: 1. Hutang luar negeri bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank di LIBFC
2. Sistem perbankan atau bank dalam pesisir merujuk hanya DBG dan LIFB
3. Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang *(unencumbered)* yang dipegang dan penempatan antara bank


Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) dan Kadar Dasar Semalaman (OPR)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Mengikut Jenis dan Tempoh Matang Asal



Nota: (...) merujuk jumlah bahagian akaun semasa dan simpanan dan deposit tetap (*fixed deposits*, FD) dengan tempoh matang asal sehingga 6 bulan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jejas nilai kekal rendah, namun bank berhati-hati terhadap prospek risiko kredit

Pada bulan April 2020, moratorium pembayaran balik secara automatik diberikan untuk pinjaman runcit dan PKS yang berbayar sebelum tarikh tersebut. Langkah ini menjadikan pinjaman jejas nilai sistem perbankan rendah pada 1.5% daripada jumlah pinjaman (2019: 1.5%; Purata 5 tahun: 1.6%) (Rajah 2.10). Pada masa yang sama, usaha pemulihan hutang bagi pinjaman mungkir juga membantu mengurangkan jejas nilai terkumpul.

Cabaran utama bagi bank dalam memantau perkembangan risiko kredit pada tempoh ini ialah ketiadaan maklumat pembayaran balik peminjam disebabkan oleh liputan moratorium pinjaman yang luas. Oleh itu, bank telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk menilai dan mengurus risiko dengan (i) berbincang dengan peminjam secara langsung tentang prospek pemulihan keadaan kewangan mereka; (ii) meningkatkan penggunaan analisis data dan sumber maklumat alternatif (seperti kadar penggunaan kemudahan, kitaran penukaran tunai, dan baki akaun operasi) bagi menentukan keadaan kewangan peminjam; dan (iii) bekerjasama dengan agensi pelaporan kredit untuk mengenal pasti penunjuk amaran awal. Tindakan ini telah membolehkan bank mengenal pasti pinjaman yang mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi dan menyediakan dengan lebih awal peruntukan terhadap potensi kerugian pada masa hadapan bagi memastikan mereka terus berdaya tahan. Peruntukan untuk pinjaman yang diklasifikasikan sebagai Tahap 2[4] di bawah MFRS 9 meningkat sebanyak RM1.7 bilion pada separuh pertama tahun 2020 (Jun 2020: + 27.9% pertumbuhan tahunan; 2019: -5.9%), didorong oleh perniagaan yang paling terjejas akibat pandemik.[5] Peruntukan keseluruhan yang lebih

[4] Pinjaman Tahap 2 merujuk pinjaman tertunggak yang memerlukan bank menyediakan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian seumur hidup di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

[5] Sebagai contoh, sektor pembinaan, perkilangan, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran.

tinggi yang disediakan oleh bank pada ST1 2020 (+RM2.7 bilion kepada RM24.6 bilion pada akhir Jun 2020) juga mencerminkan pertimbangan bank yang mengambil kira ketidakpastian yang cukup besar terhadap landasan pemulihan. Walaupun kualiti aset dijangka merosot, pemulihan dalam aktiviti perniagaan berikutan sokongan fiskal dan kewangan kepada perniagaan dan isi rumah akan mengurangkan risiko mungkir. Yang penting, tahap jejas nilai telah stabil pada paras terendah dalam sejarah pada beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh piawaian pengunderaitan yang lebih kukuh. Hal ini, bersama-sama dengan amalan peruntukan berhemat yang dipraktikkan oleh bank, memberikan kedudukan permulaan yang kukuh bagi bank untuk menghadapi kenaikan jejas nilai yang dijangkakan pada tempoh yang akan datang.

Bank-bank mengekalkan penampan modal yang kukuh, walaupun terdapat tekanan yang menurun pada perolehan bank

Bank-bank melaporkan penurunan perolehan yang ketara daripada aktiviti perbankan domestik pada separuh pertama tahun ini (Rajah 2.11). Perolehan bank terjejas akibat tekanan pada margin yang berterusan dan peruntukan kerugian kredit yang lebih tinggi. Kos kredit tahunan sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman terkumpul[6] meningkat dengan ketara dari tahap rendah pada dekad yang lalu kepada 56 mata asas (purata untuk 2010-2019: 20 mata asas) - tahap terakhir dicatat semasa Krisis Kewangan Global Tahun 2008. Bank-bank juga terjejas akibat kerugian pengubahsuaian kontrak sekali sahaja disebabkan oleh pengecualian caj faedah tambahan untuk pinjaman sewa beli dan pembiayaan Islam dengan kadar tetap di bawah langkah penangguhan pembayaran balik pinjaman. Hal ini memberikan tekanan selanjutnya ke atas margin yang semakin mengecil ekoran pengurangan OPR secara berturut-turut (Rajah 2.12).

Walau bagaimanapun, pendapatan perdagangan dan pelaburan sedikit sebanyak telah membantu menjana keuntungan berikutan keuntungan yang diperoleh oleh bank daripada penjualan sekuriti hutang dan perubahan nilai saksama (fair value changes) dalam keadaan kadar hasil yang semakin menurun (Rajah 2.13). Menjelang akhir bulan Jun 2020, bank telah meningkatkan pemegangan bon kerajaan kepada hampir separuh daripada portfolio perbendaharaan (Jun 2020: 49%; Disember 2019: 42%; purata 2017-2019: 43%) berikutan terbitan yang lebih tinggi, mudah tunai tambahan daripada langkah-langkah yang berkaitan dengan SRR, dan pertumbuhan pemberian pinjaman yang lebih perlahan. Hasilnya, risiko kadar faedah dalam buku perbankan meningkat kepada 5.5% daripada jumlah modal (2019: 4.4%), tetapi tetap berada dalam had berhemat yang dipatuhi oleh setiap bank. Langkah-langkah untuk mengurangkan kos juga terus dilakukan oleh bank untuk menyokong keberuntungan, termasuk mengkaji semula pengaturan waktu bagi perbelanjaan tidak kritikal, rundingan semula kontrak vendor dan mempercepat usaha pendigitalan yang sedang dijalankan.

Penilaian pasaran bank seperti yang diukur oleh nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*, P/B) merosot sejak tahun 2019, mencerminkan prospek ekonomi makro dan jangkaan pendapatan yang lebih lemah. Faktor khusus sesebuah bank dan sentimen pelabur yang lebih berwaspada juga menyumbang kepada penyebaran nisbah P/B yang agak luas merentas bank, dengan beberapa bank melaporkan nisbah P/B di bawah satu. Meskipun demikian,

[6] Tidak termasuk pinjaman dari operasi luar negeri bank domestik.


pulangan ke atas ekuiti dan aset bank Malaysia secara amnya tetap selari dengan bank-bank lain di rantau ini, dan telah menurun pada kadar yang lebih rendah berbanding bank-bank serantau lain setakat tahun ini (Rajah 2.14 dan 2.15). Kedudukan kewangan bank yang kukuh juga akan memberi sokongan kepada perolehan dan mengekalkan keupayaan mereka untuk memperoleh modal daripada pasaran pada kos yang lebih rendah bagi menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.

Risiko limpahan yang berpunca daripada operasi luar negeri bank adalah terhad walaupun dalam persekitaran ekonomi yang mencabar


Operasi luar negeri[7] kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG) turut mengalami penyusutan keberuntungan bagi separuh pertama tahun 2020, apabila bank-bank di rantau ini turut terjejas akibat kegiatan ekonomi yang lebih perlahan berikutan langkah-langkah pembendungan penularan COVID-19 dan kemerosotan dalam kualiti aset (Rajah 2.16). Risiko daripada operasi luar negeri DBG dijangka terurus, kerana dedahan kredit luar negeri bank-bank ini kepada sektor-sektor yang terjejas secara langsung akibat pandemik agak kecil, iaitu antara 0.1%-5.3% daripada dedahan kumpulan keseluruhan. Subsidiari luar negeri utama terus mengekalkan paras modal yang secara relatif tinggi, lantas menjadi penampan yang kukuh terhadap potensi kerugian kredit. Hal ini akan mengehadkan keperluan sokongan modal daripada bank induk domestik. Berdasarkan ujian tekanan yang dikendalikan oleh DBG bagi operasi luar negeri utama mereka, kebanyakan subsidiari asing mempunyai modal yang mencukupi untuk menghadapi kejutan yang teruk berikutan pandemik COVID-19. Operasi luar negeri DBG juga terus dibiayai sebahagian besarnya oleh deposit mata wang tempatan, dengan nisbah mudah tunai kekal melebihi keperluan pengawalseliaan tempatan dan sasaran dalaman (Rajah 2.17).

[7] Merujuk pejabat-pejabat utama DBG (cawangan dan subsidiari) yang beroperasi di luar Malaysia. Secara kumulatif, DBG beroperasi di 14 negara dengan operasi utama di Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong SAR.


Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar




Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Keberuntungan




Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Margin Faedah




Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung Sebelum Cukai



Rajah 2.14: Perbandingan Pulangan atas Aset Bank-bank Mengikut Negara




Rajah 2.15: Perbandingan Pulangan atas Modal Bank-bank Mengikut Negara



Nota: 1. Kos modal purata bagi bank di Malaysia merujuk purata pulangan tahunan saham yang dijangka bagi semua bank tersenarai yang dianggarkan menggunakan Model Penentuan Harga Aset Modal
2. Margin faedah bersih merupakan margin faedah ditolak peruntukan pinjaman terjejas dan kos operasi
3. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka pada ST1 2019 dan ST1 2020
4. Perbandingan antara negara merujuk angka median yang dilaporkan oleh bank tersenarai yang terpilih dalam negara masing-masing

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg


Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Penunjuk Kewangan Utama Operasi Luar Negeri



Nota: Purata penunjuk kewangan utama diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih


Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Nisbah Modal



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal (2.5%) serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

Sumber: Bank Negara Malaysia

Permodalan kesemua bank kekal kukuh sepanjang separuh pertama tahun 2020, dengan penampan modal agregat[8] berjumlah RM121.6 bilion pada bulan Jun 2020 (Rajah 2.18). Dengan jangkaan prospek ekonomi yang lebih mencabar, bank berusaha menambah penampan, sama ada menerusi terbitan modal baharu atau pelan pelaburan semula dividen. Sebahagian besar bank juga telah mengurangkan atau menangguhkan pembayaran dividen kepada pemegang saham.

Sebagai sebahagian daripada kitaran tahunan, Bank telah menyempurnakan penilaian terkini bagi bank-bank domestik yang penting dari segi sistemik (*domestic systemically important banks*, D-SIB) berdasarkan data pada penghujung tahun 2019. Tiga kumpulan perbankan yang telah dipilih sebagai D-SIB masih kekal tidak berubah daripada senarai yang diterbitkan pada 5 Februari 2020 (Jadual 2.1).[9] D-SIB dikenal pasti berdasarkan metodologi penilaian yang menggabungkan pendekatan ukuran berasaskan penunjuk berserta pertimbangan penyeliaan yang mengambil kira faktor-faktor yang tidak dirangkumi sepenuhnya dalam penilaian berdasarkan kuantitatif. D-SIB yang terpilih sudah pun memenuhi keperluan keupayaan menampung kerugian yang lebih tinggi (*higher loss absorption*, HLA) yang D-SIB perlu mematuhi bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya kesukaran atau kegagalan semasa tempoh tekanan.

Jadual 2.1: Keperluan HLA untuk D-SIB

D-SIB	Keperluan HLA (% daripada aset berwajaran risiko)
Malayan Banking Berhad	1.0
CIMB Group Holdings Berhad	
Public Bank Berhad	0.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Merujuk modal yang dipegang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan, yang termasuk penampan pengekal modal (2.5%) dan keperluan khusus bank tertentu.

[9] Sila rujuk https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_press&pg=en_press&ac=4988&lang=en.

Dengan sokongan penampan yang mantap, sistem perbankan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong aliran kredit ke sektor benar seiring dengan ekonomi yang mula pulih secara beransur-ansur. Pinjaman sistem perbankan mencatatkan pertumbuhan tahunan 4.1% pada bulan Jun 2020, didorong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul dalam sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, serta perkilangan. Susulan pelonggaran secara beransur-ansur PKP, pengeluaran yang tinggi bagi memenuhi keperluan modal kerja telah dicatatkan pada bulan Jun. Terdapat juga permintaan yang kukuh terhadap pinjaman di bawah Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan dana lain yang disasarkan untuk PKS, yang diwujudkan oleh Bank. Keadaan pembiayaan telah disokong selanjutnya oleh kos peminjaman yang lebih rendah berikutan pelonggaran dasar monetari baru-baru ini. Sebaliknya, permintaan terhadap pembiayaan oleh isi rumah pada amnya lebih lemah, mencerminkan prospek pendapatan dan pekerjaan yang kian tidak menentu. Bank-bank menjangkakan sedikit pemulihan dalam pertumbuhan pinjaman isi rumah pada separuh kedua tahun 2020 berikutan kos peminjaman yang lebih rendah dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik.

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Keberuntungan keseluruhan sektor insurans dan takaful merosot dalam keadaan persekitaran operasi yang mencabar

Kesan kewangan COVID-19 telah menjejaskan penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) terutamanya melalui saluran pelaburan dan perniagaan baharu yang lebih rendah. Secara agregat, dana insurans dan takaful mencatatkan keberuntungan yang lebih rendah pada separuh pertama tahun 2020. Hal ini berpunca daripada dana insurans hayat dan takaful keluarga, yang mencatatkan kerugian tidak direalisasi daripada pelaburan ekuiti dan penguncupan premium baharu berikutan sekatan pergerakan sepanjang PKP (Rajah 2.19 dan 2.20). Walau bagaimanapun, perolehan yang lebih tinggi daripada pelaburan dalam bon menyokong sedikit prestasi dan keuntungan pelaburan secara keseluruhan. Sementara itu, keberuntungan dana insurans dan takaful am meningkat sedikit walaupun pertumbuhan premium lebih rendah (Rajah 2.21 dan 2.22).

Prestasi pengunderaitan dana insurans hayat dan takaful keluarga bertambah baik dalam tempoh ini disebabkan oleh pembayaran manfaat polisi perubatan dan kesihatan yang lebih rendah kerana penangguhan prosedur elektif oleh hospital dan juga pemegang polisi. Polisi yang dikemukakan untuk serahan dan yang luput juga lebih rendah pada ST1 2020, sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan langkah bantuan sementara. Hal ini termasuk pilihan untuk pemegang polisi menangguhkan pembayaran premium dan menggunakan pelepasan premium tanpa menjejaskan perlindungan mereka.[10] Kesan langkah-langkah ini kepada keberuntungan ITO terus terurus disebabkan oleh tempoh penangguhan yang secara relatif singkat dan terdapatnya kelonggaran seumpama ini dalam ciri-ciri polisi sebahagian besar insurans hayat dan takaful keluarga. Sementara itu, ITO am mencatatkan keuntungan pengunderaitan yang lebih tinggi ekoran pembayaran tuntutan insurans motor yang lebih rendah sepanjang tempoh PKP dan PKPB. Hal ini berikutan kurangnya kenderaan di jalan raya dan penutupan bengkel-bengkel membaiki kenderaan.

Sebagai tindak balas kepada penularan COVID-19, ITO telah menyemak semula pelan mereka untuk menetapkan semula harga polisi insurans/sijil takaful perubatan dan kesihatan dalam usaha untuk mengurangkan beban kewangan pemegang polisi/peserta takaful dan memelihara perlindungan insurans/takaful mereka. Pelan yang telah disemak ini termasuklah menangguhkan penetapan semula harga yang dirancang bagi tahun ini, membuat bayaran balik bagi apa-apa peningkatan premium sehingga akhir tahun 2020, dan melanjutkan penangguhan premium/sumbangan bagi memelihara perlindungan. Beberapa ITO tidak menetapkan semula harga polisi insurans perubatan dan kesihatan yang telah menanggung kerugian pengunderaitan dalam beberapa tahun kebelakangan ini walaupun terdapat tekanan kos perubatan yang meningkat. Walau bagaimanapun, kesan penangguhan pelaksanaan penetapan semula harga yang lebih lanjut dijangka masih mampu ditangani memandangkan kedudukan modal yang mantap dan keberuntungan keseluruhan ITO yang kukuh (untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang langkah-langkah bantuan insurans dan takaful, sila rujuk Rencana bertajuk 'Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan').

[10] Penangguhan premium merujuk kepada langkah bantuan sementara yang membolehkan pelanggan yang terjejas akibat COVID-19 menangguhkan pembayaran premium insurans hayat dan sumbangan takaful keluarga selama tiga bulan antara April hingga Disember 2020. Pelepasan premium merujuk kepada perlindungan insurans/takaful yang berterusan walaupun tanpa pembayaran premium dan terpakai bagi produk yang mempunyai pelepasan premium yang sudah terterap dalam polisi seperti produk berkait pelaburan. Ini dibenarkan selagi nilai pelaburan dalam dana unit kekal mencukupi untuk memenuhi kos insurans yang diperlukan sepanjang tempoh pelepasan ini.


Permodalan sektor insurans dan takaful terus kukuh

Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat sektor insurans dan takaful terus melebihi paras minimum pengawalseliaan (Rajah 2.23). Pada bulan Mac 2020, Bank melaksanakan semakan pada parameter tekanan yang digunakan untuk pengiraan caj modal bagi kadar faedah/keuntungan di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (*Risk-based Capital*, RBC) untuk ITO. Parameter yang disemak ini mencerminkan keadaan pasaran semasa dengan lebih tepat dengan membuat penelitian yang lebih mendalam ke atas sensitiviti kedudukan kewangan ITO terhadap pergerakan kadar faedah. Matlamat usaha ini adalah untuk memastikan bahawa metodologi penilaian risiko dalam Rangka Kerja RBC terus menyediakan asas yang sewajarnya untuk pengiraan paras modal yang menggalakkan keselamatan dan kekukuhan ITO dalam pelbagai keadaan tekanan. Perubahan ini menghasilkan kedudukan modal ITO yang lebih baik, terutamanya dalam kalangan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga.


Berdasarkan analisis sensitiviti Bank, penanggung insurans hayat dijangka kekal solven sekiranya kadar faedah terus menurun dengan CAR industri agregat terus berada pada tahap yang selesa melebihi kadar minimum pengawalseliaan.[11] Prestasi pengunderaitan keseluruhan yang kukuh yang dipamerkan oleh sebahagian besar ITO, berserta peningkatan pertumbuhan perniagaan baharu seiring dengan pemulihan ekonomi, akan memberi sokongan tambahan kepada permodalan ITO yang kukuh.

[11] Untuk mendapatkan butiran lanjut tentang metodologi, sila rujuk Kotak Maklumat 'Menilai Kesan Kadar Faedah yang Menurun Terhadap Kedudukan Kesolvenan Penanggung Insurans Hayat ' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan ST2 2019.


Rajah 2.19: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan




Rajah 2.20: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk




Rajah 2.21: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



Rajah 2.22: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



Rajah 2.23: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



¹ Lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Ujian tekanan merupakan komponen penting dalam rangka kerja kestabilan kewangan Bank. Ujian ini digunakan untuk menilai dan mengurus risiko terhadap kestabilan kewangan. Ujian tekanan tahunan Bank menggunakan pendekatan dari atas ke bawah (*top-down*) dan dari bawah ke atas (*bottom-up*)[12] bagi mengesan dan menilai kelemahan dalam institusi kewangan individu dan sistem kewangan secara lebih meluas. Lazimnya, ujian tekanan direka untuk mengukur impak senario buruk yang mengandungi kejutan teruk yang tidak mustahil tetapi mempunyai kebarangkalian yang rendah untuk berlaku. Hal ini membolehkan Bank menilai keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang besar, dan menentukan bagaimana perkara ini berinteraksi dengan, dan boleh memberi kesan kepada, sistem kewangan secara keseluruhan.

Gangguan terhadap ekonomi pada peringkat permulaan pandemik COVID-19 adalah lebih teruk daripada yang diandaikan dalam ujian tekanan makro Bank yang dikeluarkan pada awal tahun 2020. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan kegiatan ekonomi secara beransur-ansur sejak bulan Mei, kesan keseluruhan terhadap institusi kewangan kini dijangka berada dalam lingkungan hasil jangkaan di bawah senario buruk dalam ujian tekanan terdahulu. Memandangkan persekitaran semasa sudah mencerminkan keadaan yang tertekan, penambahan kejutan terhadap keadaan amat mencabar yang sedia ada ini tidak akan memberikan maklumat yang bermakna untuk menilai daya tahan dan keupayaan sistem perbankan bagi menyokong ekonomi pada masa ini.

Oleh yang demikian, ujian tekanan makro terkini Bank menguji potensi kerugian terhadap sistem perbankan berdasarkan kesan yang diandaikan daripada landasan pemulihan yang diperoleh dengan merujuk tinjauan makroekonomi Bank yang telah dikemas kini.[13] Di bawah senario ini, pertumbuhan ekonomi diandaikan telah mengalami tahap paling rendah pada S2 2020. Dengan pembukaan semula ekonomi pada awal bulan Mei, ekonomi diandaikan pulih secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun 2020 dan mencatatkan pemulihan pada tahun 2021 berikutan pemulihan pertumbuhan global dan dibantu oleh beberapa langkah rangsangan dan bantuan kewangan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan Bank. Walaupun senario ini tidak mempertimbangkan secara khusus pelaksanaan semula kawalan pergerakan di seluruh negara, perlu diperhatikan bahawa kesan yang dimodelkan daripada pemboleh ubah ekonomi yang digunakan (contohnya kesan terhadap kes mungkir oleh isi rumah dan perniagaan serta kos kredit yang sepadan) masih agak konservatif (dihuraikan lebih lanjut dalam rencana maklumat di bawah). Hal ini selaras dengan matlamat untuk menilai jika bank berupaya menghadapi keadaan tekanan yang bukan sahaja tidak mustahil, tetapi juga berpotensi menjadi lebih teruk.


Pendekatan dari bawah ke atas juga digunakan untuk memberikan perspektif tambahan mengenai daya tahan setiap bank. Pendekatan ini dibentuk berdasarkan ujian tekanan dalaman bank masing-masing[14] yang dikemas kini dan pengalaman kes mungkir yang lalu. Pendekatan ini juga menggunakan analisis sensitiviti yang dilakukan terhadap anggaran kerugian kredit yang diunjurkan oleh setiap bank berdasarkan faktor yang ditentukan oleh Bank (Gambar Rajah 2.1).

[12] Untuk maklumat terperinci mengenai pendekatan Bank bagi ujian tekanan, rujuk rencana 'Penggunaan Ujian Tekanan Kehematan Makro dan Mikro di Malaysia' dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2012.

[13] Untuk maklumat terperinci mengenai tinjauan makroekonomi Bank, rujuk Buletin Suku Tahunan BNM S2 2020.

[14] Digunakan oleh bank dalam penetapan sasaran modal dalaman sebagai sebahagian daripada Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (*Internal Capital Adequacy Assessment Process*, ICAAP).

Gambar Rajah 2.1: Tinjauan Keseluruhan Ujian Tekanan Bawah ke Atas *(Bottom-up)*




Sumber: Bank Negara Malaysia

Keputusan ujian tekanan Bank mengesahkan daya tahan bank terhadap kerugian kredit yang dijangka meningkat dalam keadaan ekonomi yang lebih buruk

Di bawah senario kejutan ekonomi dan kewangan yang diandaikan akibat pandemik COVID-19, pinjaman terjejas keseluruhan diunjurkan meningkat melebihi 4% daripada pinjaman menjelang akhir tahun 2021, didorong terutamanya oleh pinjaman terjejas perniagaan yang lebih tinggi (Rajah 2.24). Hal ini mengambil kira kesan moratorium secara menyeluruh yang dilaksanakan pada bulan April dan kemudiannya bantuan bayaran balik bersasar untuk individu yang diumumkan oleh bank pada bulan Ogos. Pinjaman terjejas perniagaan dijangka didorong oleh kes mungkir bagi bayaran balik pinjaman secara sekali gus (*bullet repayments*) yang akan matang oleh syarikat yang beroperasi dalam sektor mudah terjejas. Syarikat ini kebanyakannya berada dalam industri perkhidmatan yang dijangka mengalami pemulihan yang lebih perlahan. Pinjaman terjejas perniagaan juga didorong oleh beberapa kumpulan peminjam besar dengan keadaan kewangan yang lebih lemah (Gambar Rajah 2.2).[15]

Sementara itu, pinjaman terjejas isi rumah diunjurkan meningkat dua kali ganda,[16] walaupun daripada tahap terendah dalam sejarah. Pinjaman terjejas isi rumah dijangka lebih tinggi[17] pada separuh kedua tahun 2021 memandangkan program bantuan bayaran balik pinjaman yang dilanjutkan akan dilaksanakan sehingga S1 2021 bagi individu yang mengalami kehilangan pendapatan (Gambar Rajah 2.3).

Rajah 2.24: Simulasi Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas



u: unjuran


Sumber: Bank Negara Malaysia

[15] Untuk maklumat terperinci mengenai metodologi anggaran, sila rujuk Rencana Maklumat 'Mengunjurkan Pinjaman Perniagaan Terjejas: Pendekatan Serampang Dua Mata'.

[16] Tanpa langkah-langkah bantuan, beberapa negara telah mengalami peningkatan pinjaman terjejas sehingga empat kali semasa krisis. ECB (2013) '*What Matters in Addition to the Economic Cycle?*' dan IMF (2019) '*The Dynamics of Non-Performing Loans During Bank Crises*'.

[17] Untuk maklumat terperinci mengenai metodologi anggaran, sila rujuk Rencana Maklumat 'Mengunjurkan Masa Kemungkiran Isi Rumah - Penambahbaikan Rangka Kerja Margin Kewangan'.


Gambar Rajah 2.2: Simulasi Makro: Sektor Perniagaan – Profil Pinjaman Terjejas



Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara keseluruhan, kos kredit kepada bank boleh meningkat kepada RM29 bilion (1.4% daripada jumlah pinjaman) pada tahun 2020 dan 2021 (Gambar Rajah 2.4). Unjuran ini mengandaikan anggaran yang konservatif mengenai bahagian pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman bersasar (terutamanya untuk perniagaan) berdasarkan trend penstrukturan semula dan penjadualan semula (*restructuring and rescheduling*, R&R) pada permulaan pandemik.[18] Dalam keadaan yang terus tidak menentu, bank-bank lebih proaktif dalam melanjutkan bantuan bayaran balik pinjaman, seperti yang berlaku dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Hal ini tidak diambil kira dalam simulasi tersebut. Sejak bulan Julai, bilangan perniagaan yang menerima bantuan bayaran balik pinjaman daripada bank telah meningkat tujuh kali ganda. Hal ini akan meningkatkan keupayaan membayar balik hutang dan mengurangkan kerugian kredit.


Gambar Rajah 2.3: Simulasi Makro: Sektor Isi Rumah – Profil Pinjaman Terjejas



Sumber: Bank Negara Malaysia

[18] Kadar R&R yang digunakan dikira berdasarkan bank dan sektor, menggunakan data yang dilaporkan oleh bank dari bulan April hingga Jun 2020. Dalam tempoh ini, sebahagian besar aktiviti R&R adalah untuk bukan PKS kerana PKS telah dilindungi di bawah moratorium pinjaman secara automatik.

Gambar Rajah 2.4: Simulasi Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Unjuran Kerugian Kredit pada 2020 dan 2021




Sumber: Bank Negara Malaysia

Berikutan jangkaan kerugian kredit yang lebih tinggi, bank telah meningkatkan penampan mereka, dengan menambah peruntukan sebanyak RM2.7 bilion pada ST1 2020. Pada peringkat bank, peruntukan tambahan telah meningkat kepada purata 16% daripada kerugian kredit tertekan yang diunjurkan oleh bank-bank dalam tempoh 12 bulan berdasarkan ujian tekanan dalaman mereka. Peruntukan ini mungkin terus meningkat apabila bank mengetahui perkembangan kredit dengan lebih jelas berdasarkan penilaian yang lebih komprehensif terhadap peminjam apabila berakhirnya moratorium secara menyeluruh. Peningkatan peruntukan secara beransur-ansur juga akan memastikan bank mengekalkan penampan yang kukuh untuk menyerap kerugian dan menyokong pemberian pinjaman yang berterusan kepada ekonomi.

Kesan daripada tekanan kerugian kredit terhadap kesolvenan bank akan mengakibatkan agregat nisbah jumlah modal (*total capital ratio*, TCR) dan nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (*Common Equity Tier 1*, CET1) menurun masing-masing sebanyak 2 mata peratusan dan 1.4 mata peratusan dalam tempoh 12-18 bulan berikutnya (Rajah 2.25).

Di bawah analisis senario bawah ke atas pula, agregat TCR dan nisbah modal CET1 seperti yang dilaporkan oleh bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam diunjurkan menurun lebih banyak, masing-masing sebanyak 3.4 mata peratusan dan 3.1 mata peratusan daripada kedudukan awal. Dengan menggunakan analisis sensitiviti terhadap keputusan ini, setiap bank diunjurkan mempunyai penampan yang masih melebihi keperluan modal minimum pengawalseliaan untuk menampung kerugian tambahan yang berasaskan kadar kemungkiran yang lapan kali lebih tinggi daripada kadar mungkir bank-bank yang pernah dicatatkan sebelum ini. Gandaan ini jauh lebih teruk berbanding dengan pengalaman terburuk dalam sejarah Malaysia semasa Krisis Kewangan Asia. Pada masa tersebut, pinjaman terjejas keseluruhan meningkat 3-5 kali ganda daripada tahap awal. Pendorong kerugian kredit pada amnya adalah serupa dalam simulasi makro dan analisis bawah ke atas, lantas mengesahkan lagi bahawa sistem kewangan mempunyai penampan yang mencukupi untuk menghadapi tekanan yang amat teruk, melebihi pengalaman terburuk dalam sejarah sehingga kini.

Rajah 2.25: Simulasi Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Modal



u: unjuran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesan sebenar pandemik terhadap kekukuhan modal bank dalam tempoh 12-18 bulan seterusnya akan tertakluk pada tahap ketidakpastian

Walaupun ujian tekanan yang ditunjukkan di sini mengukur senario buruk yang tidak mustahil berlaku dengan sedikit elemen konservatif, kesan sebenar pandemik terhadap kesolvenan bank untuk 12 -18 bulan seterusnya akan bergantung pada beberapa faktor, termasuk:

- **Kadar dan kekuatan pemulihan ekonomi domestik,** yang bergantung pada bagaimana pandemik terus berkembang, keadaan pasaran pekerja serta tingkah laku perniagaan dan pengguna dalam norma baharu;
- **Kadar pemulihan ekonomi di rantau ini,** yang boleh memberikan kesan kepada kualiti aset dan keberuntungan operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri;
- **Inisiatif yang diambil oleh institusi kewangan** untuk menyokong peminjam berdaya maju, yang dapat meningkatkan keupayaan membayar balik hutang dan mengurangkan potensi pinjaman terjejas;
- **Tindakan pengurusan bank** untuk menambahkan penampan seperti terbitan modal baharu atau suntikan modal daripada bank induk; dan
- **Campur tangan dasar tambahan** oleh Bank, Kerajaan dan/atau pihak berkuasa lain untuk menyokong pemulihan ekonomi.

Walaupun bank-bank dijangka lebih berhati-hati berdasarkan ketidakpastian yang berterusan dan prospek pemulihan yang akan mengambil masa yang lebih panjang, industri perbankan secara kolektif akan mendapat manfaat sekiranya mereka terus menyokong perniagaan dan isi rumah yang berdaya maju sepanjang tempoh ini. Oleh itu, penampan modal yang dikumpulkan sejak sekian lama adalah bertujuan untuk menyokong pemberian pinjaman dalam suasana yang tertekan ini dan boleh diguna pakai oleh bank. Selain itu, penampan sedemikian adalah sangat penting bagi bank untuk kekal berdaya tahan dan mengurangkan penghindaran risiko. Hal ini penting bagi menghindarkan kesan buruk yang lebih besar terhadap prospek pertumbuhan dan pemulihan ekonomi, yang seterusnya akan menyebabkan kerugian yang lebih besar kepada bank.

Ciri Utama Simulasi Kesolvenan Makro yang Ditambah Baik untuk Bank-bank


Senario dan andaian yang digunakan dalam simulasi kesolvenan makro meliputi tempoh suku tahunan, dengan unjuran berpandangan ke hadapan hingga akhir tahun 2021. Hal ini bertujuan untuk mengukur kesan kejutan makroekonomi dan kewangan yang boleh memberi kesan dengan lebih pantas dalam keadaan krisis, sekali gus membolehkan pengenalpastian beberapa kelompok risiko baharu yang muncul dalam tempoh interim.

Sehubungan itu, model dan andaian yang menyokong simulasi makro ini telah diperhalusi oleh Bank bagi menambah baik anggaran dan penilaian kelemahan sistem perbankan (Gambar Rajah 2.5 dan Jadual 2.2):

- Versi baharu model risiko kredit makro sedia ada untuk peminjam isi rumah dan perniagaan dan digunakan untuk menilai kesan keadaan makroekonomi yang lebih lemah terhadap risiko kredit yang berpunca daripada perpindahan pinjaman (*loan migration*) dan pinjaman terjejas yang lebih tinggi.
- Untuk menganggar kesan ke atas penyediaan peruntukan berikutan kemerosotan kualiti aset, simulasi ini menggunakan nisbah perlindungan pinjaman sedia ada[19] yang khusus bagi institusi tertentu dan dibezakan mengikut tahap MFRS 9, serta tujuan pinjaman. Hal ini bagi mencerminkan dengan lebih baik model risiko kredit bank-bank sebenar (Gambar Rajah 2.6).
- Bahagian pendapatan dan perbelanjaan bank-bank yang selebihnya turut diunjur untuk mengambil kira kesan volatiliti pasaran kewangan, pertumbuhan kredit yang lebih perlahan pada tahun 2020, kerugian pengubahsuaian dan kadar faedah yang lebih rendah.

[19] Nisbah perlindungan ditakrifkan sebagai nisbah peruntukan kepada pinjaman tahap tersebut seperti yang ditakrifkan di bawah MFRS 9. Sebagai contoh, nisbah perlindungan Tahap 3 ialah nisbah peruntukan Tahap 3 kepada jumlah pinjaman Tahap 3.

Gambar Rajah 2.5: Skema Rangka Kerja Simulasi Makro




Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.2: Andaian utama

Bahagian	Andaian utama
Model risiko kredit	• Peralihan pinjaman merentas tahap di bawah MFRS 9 dianggarkan dengan menggunakan model makro yang mengaitkan keadaan makroekonomi dengan keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam • Pinjaman baharu yang telah diluluskan dan dikeluarkan semasa tempoh simulasi diandaikan kekal berbayar
Kos kredit	• Nisbah perlindungan dianggarkan untuk setiap bank, mengikut (i) tahap MFRS 9, (ii) sektor/tujuan pinjaman, dan dinaikkan untuk mengambil kira peruntukan tambahan yang disebabkan oleh pertindanan pengurusan (*management overlay*) • Bank-bank diandaikan mengekalkan nisbah perlindungan ini sepanjang tempoh simulasi
Pendapatan faedah bersih	• Anggaran mengambil kira kesan daripada kadar faedah yang lebih rendah (OPR berkurang sebanyak 125 mata asas setakat tahun ini), pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan dan kerugian pengubahsuaian (*modification losses*)
Pendapatan bukan faedah	• Pendapatan fi dan komisen berasaskan kredit diunjurkan meningkat sejajar dengan pertumbuhan kredit • Nisbah kos kepada pendapatan diandaikan terus stabil sepanjang tempoh simulasi iaitu kos operasi bergerak seiring dengan pendapatan
Modal	• Keuntungan diambil kira pada setiap separuh tahun. Pembayaran dividen diandaikan sebanyak 50% daripada keuntungan separuh tahun

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.6: Nisbah Perlindungan Tahap 3 Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia


Pengunjuran Pinjaman Terjejas Perniagaan: Pendekatan Serampang Dua Mata

Bagi mensimulasikan trajektori pinjaman terjejas sektor perniagaan sistem perbankan dalam ujian simulasi makro ini, Bank telah menggunakan dua pendekatan, iaitu model defisit aliran tunai bagi sampel syarikat[20] yang mempunyai data kewangan yang lebih mudah diakses dan model pemprofilan mengikut sektor bagi dedahan perniagaan yang selebihnya. Penilaian ini turut mencakupi profil risiko peminjam atau segmen peminjam, bantuan bayaran balik pinjaman yang diberikan oleh bank (berdasarkan pengalaman pada peringkat awal pandemik COVID-19), dan kesan jaminan kerajaan yang eksplisit dalam mengurangkan kerugian.

(A) Model Defisit Aliran Tunai

Model defisit aliran tunai menentukan risiko mungkir sesebuah syarikat dengan menganggarkan sama ada syarikat tersebut mempunyai perolehan atau penampan tunai yang mencukupi untuk membayar balik obligasi faedah syarikat berkenaan (Gambar Rajah 2.7). Perolehan suku tahun[21] sesebuah syarikat diunjurkan sehingga akhir tahun 2021 berdasarkan hubungan antara unjuran GDP mengikut sektor dengan data kewangan pada peringkat syarikat. Andaian yang dibuat ialah perolehan ini akan digunakan untuk membayar balik obligasi faedah suku tahunan sepanjang tempoh ini. Bagi suku tahun yang perolehannya tidak mencukupi, model ini menilai sama ada syarikat tersebut mempunyai penampan tunai yang mencukupi bagi memenuhi obligasi bayaran balik faedah pinjaman. Syarikat yang mempunyai perolehan yang mencukupi untuk memenuhi obligasi bayaran balik faedah diklasifikasikan sebagai "mempunyai risiko mungkir yang rendah" (MFRS 9 Tahap 1), sementara syarikat yang perlu menggunakan penampan tunai pula diklasifikasikan sebagai "mempunyai risiko mungkir yang sederhana" (MFRS 9 Tahap 2). Perkara ini menambahkan ciri konservatif kerana secara praktik, bank mungkin terus mengklasifikasikan tersebut di bawah Tahap 1, jika peminjam masih memenuhi obligasi bayaran balik faedah dan kupon, serta tiada bukti lain yang menunjukkan peningkatan risiko kredit yang ketara. Akhir sekali, syarikat yang tidak mempunyai perolehan dan penampan tunai yang mencukupi diklasifikasikan sebagai mempunyai risiko mungkir yang tinggi (MFRS 9 Tahap 3). Syarikat Tahap 3 diandaikan mungkir terhadap semua dedahan syarikat ini dengan institusi kewangan. Model ini membuat andaian yang lebih konservatif bahawa tiada pembalikan (*reversion*) dalam tahap risiko mungkir syarikat, walaupun syarikat mencatatkan peningkatan dalam perolehan atau penampan tunai syarikat pada tempoh berikutnya selepas syarikat tersebut mungkir.

Gambar Rajah 2.7: Model Defisit Aliran Tunai



Peralihan tahap MFRS 9 adalah sehala iaitu tidak ada penambahbaikan tahap MFRS 9 seterusnya meskipun risiko kemungkiran menurun

Sumber: Bank Negara Malaysia

[20] Sebanyak 100 kumpulan peminjam korporat bukan kewangan yang besar dan syarikat tersenarai. Kumpulan peminjam korporat bukan kewangan yang besar merupakan syarikat yang mempunyai dedahan kredit agregat (termasuk pembiayaan langsung dan pemegangan bon dan sukuk korporat) melebihi RM1 bilion dengan institusi kewangan Malaysia.


[21] Seperti yang diukur melalui perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA).

(B) Model Pemprofilan Mengikut Sektor

Bagi perniagaan yang tidak mempunyai data kewangan peringkat syarikat, model pemprofilan mengikut sektor digunakan (Gambar Rajah 2.8). Model ini berdasarkan tiga andaian utama: (i) dedahan pembiayaan bagi syarikat dalam sektor yang mudah terjejas[22] yang mempunyai terma pembayaran sekali gus akan mungkir[23] apabila apabila mencapai tempoh matang, kerana obligasi bayaran balik yang lebih besar dan perlu dibuat dengan serta-merta, (ii) pinjaman terjejas dedahan perniagaan lain sehingga akhir tahun 2021 diperoleh berdasarkan hubungan statistik antara pertumbuhan tahunan KDNK benar dengan pinjaman terjejas perniagaan pada tahap agregat, dan (iii) tiada PKS diandaikan mungkir sebelum berakhirnya suku ketiga tahun 2020 disebabkan oleh pelaksanaan moratorium pinjaman menyeluruh antara bulan April hingga September 2020.

Bagi mencerminkan pendekatan konservatif yang diambil apabila membuat anggaran pinjaman terjejas perniagaan, model ini tidak mengambil kira kesan faktor pengurangan risiko yang boleh mengurangkan kepesatan dan magnitud pinjaman terjejas perniagaan. Hal ini termasuklah (i) aliran hasil yang pelbagai dan cagaran sedia ada bagi sesetengah peminjam yang lebih besar; (ii) jaminan kredit yang eksplisit oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), serta (iii) usaha yang bersepadu oleh institusi-institusi kewangan, Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (*Small Debt Resolution Scheme*, SDRS) dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (*Corporate Debt Restructuring Committee*, CDRC) bagi membantu peminjam yang berdaya maju menstrukturkan semula dan menjadualkan semula pinjaman mereka.

Gambar Rajah 2.8: Model Pemprofilan Sektor



Sumber: Bank Negara Malaysia

[22] Sektor-sektor yang disifatkan sebagai lebih mudah terjejas adalah yang lebih terdedah kepada pandemik COVID-19 dan yang dijejaskan oleh gangguan rantaian bekalan. Ini termasuklah sektor pertanian, perlombongan dan kuari, perkilangan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, pengangkutan dan penyimpanan, serta harta tanah.


[23] Kredit pusingan dikecualikan kerana pengalaman menunjukkan bahawa lazimnya pendedahan ini dilanjutkan.

Meramal Masa Mungkir Isi Rumah – Penambahbaikan kepada Rangka Kerja Margin Kewangan

Rangka kerja margin kewangan digunakan oleh Bank untuk menilai secara mendalam kekukuhan dan daya tahan kewangan isi rumah terhadap kejutan hipotetikal, menggunakan himpunan data peringkat peminjam individu yang luas dan mendalam. Sebelum ini, rangka kerja tersebut mengabaikan penampan kewangan kumulatif yang mungkin tersedia kepada peminjam untuk menampung kekurangan aliran tunai bulanan yang diperlukan bagi membayar balik hutang dan menampung perbelanjaan penting. Oleh itu, peminjam diandaikan akan mungkir dengan serta-merta apabila aliran tunai bulanan menjadi defisit (iaitu, margin kewangan negatif), selepas mengambil kira hanya aliran tunai positif daripada bulan sebelumnya. Hal ini menerapkan ciri konservatif dalam tempoh biasa untuk mengukur risiko hujung (*tail-risk*).

Dalam persekitaran semasa, Bank berusaha untuk meneliti dengan lebih lanjut keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang mereka kerana lebih banyak isi rumah mungkin mengalami kesukaran kewangan. Walau bagaimanapun, mereka masih dapat menggunakan penampan kewangan yang telah dikumpul untuk meneruskan bayaran balik hutang bagi suatu tempoh masa. Untuk mencapai matlamat ini, rangka kerja margin kewangan telah ditambah baik (Gambar Rajah 2.9) bagi mengambil kira pengeluaran deposit secara beransur-ansur oleh isi rumah untuk menampung kekurangan aliran tunai bulanan. Isi rumah diandaikan mungkir hanya setelah deposit mereka habis dikeluarkan. Oleh itu, rangka kerja yang ditambah baik ini menyediakan pemahaman tambahan mengikut dimensi masa berhubung dengan perkembangan risiko mungkir oleh isi rumah yang berpunca daripada kejutan pendapatan dan pengangguran.

Gambar Rajah 2.9: Garis Kasar Rangka Kerja Margin Kewangan yang Dipertingkat



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rangka kerja ini hanya mengambil kira deposit sebagai kekayaan. Hal ini berdasarkan ketidakpastian yang tinggi dalam menganggarkan bentuk kekayaan lain[24] pada peringkat individu, dan kesenangan peminjam untuk mengakses deposit ketika berlakunya tekanan kewangan. Sampel rekod cukai individu yang besar yang telah diawanamakan (*anonymised*) dan teknik[25] untuk mengukur agihan kekayaan telah digunakan bagi menganggarkan deposit yang dipegang oleh peminjam individu.

Tidak seperti analisis sensitiviti terdahulu yang mensimulasikan kejutan sekali sahaja, rangka kerja yang ditambah baik ini mensimulasikan kejutan pada setiap suku tahun. Analisis ini turut mengambil kira kesan moratorium pinjaman secara automatik antara bulan April hingga September 2020 dan langkah bantuan bersasar yang diumumkan pada bulan Julai 2020.[26] Dalam tempoh moratorium secara automatik, obligasi hutang peminjam telah ditetapkan sebagai sifar. Seterusnya, peminjam yang terjejas dalam simulasi kejutan pengangguran diandaikan terus mempunyai obligasi hutang sifar sehingga akhir tahun 2020 manakala semua obligasi hutang peminjam yang lain diukur mengikut simulasi kuantum kejutan pendapatan sehingga tempoh pemberian bantuan secara bersasar berakhir. Dengan beransur pulihnya keadaan pasaran pekerja, langkah bantuan bersasar ini akan terus meringankan bebanan hutang peminjam yang masih terjejas akibat krisis ini. Langkah ini diandaikan akan tamat selepas S1 2021. Rangka kerja margin kewangan yang ditambah baik ini tidak merangkumi kesan inisiatif tambahan selain langkah bantuan bersasar yang diumumkan, seperti usaha R&R khusus oleh bank-bank atau program yang dilaksanakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Pemberian sokongan tambahan seperti itu akan terus membendung peningkatan tekanan kewangan dalam kalangan isi rumah.

---

[24] Bentuk aset kewangan mudah tunai yang lain termasuklah pelaburan dalam ekuiti dan dana unit amanah (harga tetap dan tidak tetap). Penilaian bagi sesetengah aset ini lazimnya bersifat tidak menentu, sekali gus merumitkan usaha mengukur aset-aset ini. Oleh itu, aset sedemikian sengaja tidak dimasukkan ke dalam pengiraan.

[25] Saez and Zucman (2014), *'Wealth Inequality in the United States since 1913: Evidence from Capitalized Income Tax Data'*.

[26] Langkah ini termasuklah (i) moratorium pinjaman yang dilanjutkan untuk peminjam yang tidak mempunyai pekerjaan pada S4 2020 dan (ii) pengurangan obligasi hutang berkadaran dengan penyusutan pendapatan sepanjang tempoh S4 2020 – S1 2021.

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST1 2018	ST2 2018	ST1 2019	ST2 2019	ST1 2020*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	17.6	18.1	18.0	18.6	18.3
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.2	14.6	14.7	15.1	15.1
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	13.4	13.9	14.0	14.6	14.6
Pulangan atas Aset	1.5	1.4	1.5	1.5	1.2
Pulangan atas Ekuiti	13.3	12.7	13.0	13.0	10.0
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	139.3	143.2	153.0	149.1	149.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	0.9	0.9	1.0	1.0	0.9
Caj Modal bagi Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	5.2	5.8	4.9	4.4	4.9
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	0.6	0.9	0.7	1.6	1.3
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	239.2	243.9	230.0	226.9	227.1
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	2.9	6.6	16.5	7.7	4.7
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	8.2	7.6	9.7	9.0	9.0
Nisbah Kecukupan Modal	237.9	234.8	212.8	205.6	210.0
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.7	0.8	0.5	0.6	0.9
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.3	1.6	1.4	1.5	1.7
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	10.2	9.9	10.6	10.2	10.3
Nisbah Tuntutan	57.9	58.2	59.3	59.1	55.9
Nisbah Kecukupan Modal	264.2	278.3	273.2	279.8	287.1
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	1,156.8	1,186.7	1,217.7	1,251.7	1,265.9
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,462.5	2,543.5	2,627.6	2,708.8	2,751.9
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	82.1	82.0	82.3	82.9	87.5
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	212.9	214.3	215.8	216.4	217.4
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	145.4	143.4	145.6	143.2	143.8
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR	1.3	1.2	1.2	1.2	1.0
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	2.2	1.6	1.5	1.5	0.8
Pulangan atas Ekuiti	3.9	3.0	2.8	2.9	1.5
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	23.5	24.9	25.1	25.4	23.8
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	6.1	4.9	4.8	4.8	3.7
Margin Operasi	6.4	5.6	5.7	5.6	4.8
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	2.6	2.4	2.6	2.5	2.5
Institusi Kewangan Pembangunan[1]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	-1.9	-0.3	0.4	-0.3	3.9
Deposit Digembleng (% perubahan)	1.3	0.4	1.8	2.5	2.0
Nisbah Pinjaman Terjejas	6.0	5.8	6.7	6.4	5.9
Pulangan atas Aset	1.2	1.0	1.5	1.5	1.1

[1] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST1 2018	ST2 2018	ST1 2019	ST2 2019	ST1 2020*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	898,206.7	955,598.9	979,393.3	1,019,338.4	1,042,983.9
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	31.2	32.3	32.8	33.5	33.3
Jumlah Pembiayaan[1]	667,179.9	701,013.7	720,748.1	753,609.9	780,376.6
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	37.0	37.7	38.4	39.2	39.9
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	731,281.7	780,370.6	812,634.7	836,113.0	869,216.1
Jumlah Deposit	651,459.5	688,468.9	724,326.0	738,997.9	761,993.4
Jumlah Akaun Pelaburan	79,822.2	91,901.7	88,308.7	97,115.1	107,222.7
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	35.5	36.6	37.6	38.0	38.4
	%				
Nisbah Jumlah Modal	17.3	18.5	17.6	17.7	17.8
Nisbah Modal Kumpulan 1	13.7	14.7	14.3	13.8	14.1
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	13.3	14.1	13.8	13.3	13.6
Pulangan atas Aset	1.1	1.1	1.1	1.2	0.6
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	0.8	0.8	1.0	1.0	0.9
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	29,833.6	31,323.1	34,522.0	36,517.6	39,036.9
Keluarga	26,312.5	27,594.8	30,601.4	32,283.8	34,535.3
Am	3,521.1	3,728.3	3,920.6	4,233.9	4,501.6
% daripada industri insurans dan takaful	10.3	10.5	10.9	11.2	11.8
Pendapatan Sumbangan Bersih	4,790.0	4,770.9	5,788.3	5,542.4	5,642.8
Keluarga	3,671.4	3,644.0	4,456.0	4,150.9	4,336.5
Am	1,118.5	1,126.9	1,332.3	1,391.4	1,306.3
% daripada industri insurans dan takaful	16.8	16.4	18.9	17.7	18.6
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	2,510.3	2,403.0	3,253.9	2,904.0	3,191.8
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	1,400.4	1,388.5	1,631.3	1,677.2	1,641.2
Nisbah Tuntutan (%)	54.5	57.4	56.6	59.5	53.3

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia